

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 153 ● 11 - 17 FEBRUARI 2022 ● PP19441/12/2018 (035014) ● PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akbarwilayahku

Wilayahku

WKTV

PM umum pakej khas tingkat kualiti hidup warga ibu kota



BERSEMPENA dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Bandar Raya Kuala Lumpur, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan Pakej Kesejahteraan Keluarga Malaysia Kuala Lumpur (PKKMKL) bagi meningkatkan kualiti kehidupan warga kota.

Katanya, dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menyediakan laluan pejalan kaki, laluan basikal dan jaringan hijau dengan mengutamakan

keselesaan dan keselamatan pengguna bagi menjamin kehidupan yang sihat.

"Bagi menggerakkan aktiviti ekonomi, DBKL akan menaik taraf gerai penjaja di pusat penjaja yang telah usang termasuk kelompok-kelompok gerai di tepi jalan yang berlesen.

"Selain itu, DBKL kini dalam usaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya sifar miskin tegar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis

Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Bandar Raya Kuala Lumpur di Panggung Anniversary, Taman Botani Perdana pada Sabtu lalu.

Hadir sama, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

BERSAMBUNG DI MUKA 4

Lebih banyak lesen bazar Ramadan untuk peniaga Hapus orang tengah

ISU 'orang tengah' dalam penjualan tapak bazar Ramadan saban tahun tiada pernah berkesudahan. Lesen yang sepatutnya diberi terus kepada peniaga yang mahu bermiaga dapat kepada 'kartel' ini dan menjualkannya untuk keuntungan segera.

Biarpun pelbagai pihak cuba untuk mengatasi masalah ini namun ia dapat diibaratkan seperti mencurah air ke daun keladi.

Paling menyedihkan ada peniaga yang terpaksa membayar puluhan ribu ringgit untuk mendapatkan tapak bazar sekali gus pihak tidak bertanggungjawab berpeluk tubuh sambil mengaut untung atas angin.

Enggan membiarkan perkara ini berulang sempena Ramadan yang akan tiba kurang dua bulan lagi, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim mengambil langkah drastik dengan membuka seluas-luasnya lesen hanya kepada peniaga yang layak di Wilayah Persekutuan.

Lesen peniaga hanya untuk peniaga yang dinamakan dan tidak boleh dijual kepada orang lain.

Diharapkan tiada lagi isu 'orang tengah' menjual lesen memandangkan fokus utama hanya untuk membantu peniaga di Wilayah yang terjejas pendapatan ekoran pandemik COVID-19.

BERITA LANJUT DI MUKA 2



SHAHIDAN (tengah) bersama Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias (dua kanan) dan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) Rosida Jaafar (kanan) beramah mesra dengan peniaga di Agrobazar dan Karnival Food Truck Putrajaya Selasa lalu.

Bumbung diterbangkan ribut

Baik pulih ambil masa tiga minggu

DIANA AMIR

KERJA-kerja membaik pulih bumbung terbang di rumah pangsa Taman Melati, Kuala Lumpur akan mengambil masa selama tiga minggu.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) telah memulakan kerja membaik pulih bumbung rumah pada hari berikutnya setelah mendapat arahan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

“Beberapa perjumpaan telah diadakan bersama penduduk dan proses baik pulih akan mengambil masa selama tiga minggu.

“Ia berikutan stok bahan binaan yang tiba lewat dan berpering-



JALALUDDIN

kat memandangkan kedai-kedai atau pembekal sedang dalam cuti umum Tahun Baru Cina,” katanya dalam satu kenyataan media.

Jelasnya lagi, kerja-kerja pemasangan ‘canvas’ serta ‘joining’ yang telah dilanjutkan mengalami kerosakan berikutnya akibat ribut yang berlaku sejurus lagi pada minggu lalu.

“Oleh itu, pada minggu ini YWP akan meneruskan kerja baik pulih yang terjejas dan berharap kerja-kerja baik pulih bumbung ini dapat disiapkan serta merta,” katanya sambil menambah atap-apat telah ditempah dan akan sampai ke lokasi secara berperingkat bermula minggu ini dan selewat-lewatnya minggu depan.

Tambah beliau pada 28 Januari lalu, YWP turut menyalurkan sumbangan tunai sebanyak



KEADAAN bumbung rumah pangsa Taman Melati yang rosak akibat angin kencang serta hujan lebat yang melanda pada 24 Januari.

RM250 per keluarga kepada 46

“Suka juga saya nyatakan bahawa YWP dan Jabatan Kebajikan

Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) telah memberikan bantuan makan malam, sarapan dan tengah hari untuk 200 orang terlibat dari semasa ke semasa di pusat pemindahan sementara yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sejak Isnin lalu.

“Saya turut dimaklumkan bahawa Pengurus Gabungan badan bukan kerajaan (NGO) Flat Taman Melati yang juga merupakan Pengurus Persatuan Penduduk Blok 4B, sentiasa berkomunikasi serta berbincang dengan pihak YWP dalam memastikan kerja-kerja baik pulih berjalan mengikut perancangan,” ujarnya.

Terdahulu pada 24 Januari lalu, empat blok rumah pangsa di Taman Melati yang melibatkan 40 unit rumah dari Blok A13, A14, A15 dan A16 telah mengalami kerosakan akibat angin kencang dan hujan lebat. **WK**

Lesen bazar Ramadan Wilayah Persekutuan dibuka luas kepada peniaga

DARI MUKA DEPAN

AINI MAWAWI, SABRINA SABRE
Foto: NOOREEZA HASHIM

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) akan membuka peluang sebaik mungkin kepada peniaga di Wilayah Persekutuan yang ingin berniaga bazar pada bulan Ramadan yang akan tiba bagi mengelakkan pihak tidak bertanggungjawab menjual lesen kepada pihak ketiga.

Menurut Menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, peluang tersebut akan diberikan kepada mereka yang serius untuk berniaga sekali gus dapat menggerakkan aktiviti ekonomi pasca COVID-19.

“Kita akan membuka peluang seluas-luasnya kepada mereka yang ingin berniaga dan jika kita berikan mereka lesen maka mereka kena berniaga dan tak boleh bagi pada orang lain untuk berniaga di situ,” ujar beliau sejurus Program Walkabout Agrobazar dan Karnival Food Truck Putrajaya pada Selasa.



SHAHIDAN (tiga kiri) berkesempatan mengunjungi Program Walkabout Agrobazar dan Karnival Food Truck Putrajaya pada Selasa.

sedemikian kita akan ambil tindakan segera. Kita nak orang yang betul-betul ingin berniaga sahaja,” ujar beliau.

Menyentuh tentang prosedur operasi standard (SOP) ketika pengajuran bazar kelak, KWP sentiasa mengikuti perkembangan kes COVID-19 dari semasa ke semasa untuk mengekang penularan wabak tersebut.

“Aktiviti ekonomi akan tetap dijalankan seperti biasa. Kita pula perlu jaga diri, jaga SOP dan cuba elakkan perjumpaan dalam kelompok yang besar bagi mengelakkan sebarang jangkitan,” ujar beliau.

Program yang dijalankan merupakan antara pengisian menarik sepanjang Sambutan

Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022 sekali gus membantu kelangsungan peniaga kecil yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Hadir sama, Timbalannya Datuk Seri Jalaluddin Alias; Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Fadlun Mak Ujud.

Terdahulu, Karnival Agrobazar dan Food Truck Putrajaya dianjurkan selama tiga hari bermula 7 hingga 9 Februari menghimpunkan 100 peniaga jualan terus buah-buahan, tanaman konsumen serta sayuran dari ladang.

WK

Isu kelewatan baik pulih bumbung terbang tidak benar

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) menegaskan bahawa isu kelewatan membaik pulih bumbung pangaspuri Taman Melati yang terjejas teruk akibat ribut dan angin kencang pada 24 Januari lalu adalah tidak benar sebaliknya bantuan awal telah dilaksanakan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zaizalnizam Zainun berkata, kelewatan itu bukan kerana sambutan perayaan Tahun Baru Cina sebaliknya penghantaran bantuan awal dan segera telah bermula pada 29 Januari lalu.

“YWP menafikan artikel yang dikeluarkan pada 8 Februari oleh *Malaysia Gazette* bahawa seorang pegawai sebuah Yayasan memberi alasan kerja-kerja baik pulih bumbung pangaspuri itu lewat kerana sambutan Tahun Baru Cina serta menganggap perkara tersebut hanya sekadar kata-kata.

“Kenyataan tersebut juga memaklumkan bahawa arahan Menteri Wilayah Persekutuan juga diendahkan kerana hanya kanvas sahaja yang dipasang di rumah-rumah terjejas,” katanya kepada pemberita pada Rabu.

Beliau berkata demikian selepas memberi penerangan khas berkaitan usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) YWP membantu membaik pulih kerosakan bumbung rumah pangsa Taman Melati di Dewan Aktiviti Masyarakat Kawasan 4A, Taman Melati, Setapak.

Mengulas lanjut, Zaizalnizam memberitahu, tindakan segera oleh YWP telah



DATUK Zaizalnizam Zainun (berdiri) memberi penerangan lanjut berkaitan usaha YWP membantu membaik pulih kerosakan bumbung rumah pangsa Taman Melati di Dewan Aktiviti Masyarakat Kawasan 4A, Taman Melati, Setapak, pada Rabu.

diambul sejurus selepas beliau turun padang meninjau kawasan tersebut bersama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

“kerja pembakaan sedang dilaksanakan yang mana kami telah mengeluarkan serpihan kayu-kayu di dalam rumah dan kami gantikan dengan bekuda besi yang lebih kuat serta kukuh.”

“Insyah-Allah kita akan menerima atap bumbung secara berperingkat dan saya juga telah berbincang dengan semua pihak terlibat untuk mempercepatkan proses ini serta memastikan setiap penduduk terjejas menerima atap baharu,” jelasnya yang turut mengatakan kos perbelanjaan pembakaan pulih ini adalah sebanyak RM500,000.

Tambahnya lagi, tindakan segera wajar diambil dan tidak seharusnya ditangguhkan kerana kejadian ini adalah bencana serta mengharapkan tiada pihak yang mengambil kesempatan terhadap kejadian ini. **WK**

Sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022

100,000 bendera berkibar megah

SAMBUTAN Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022 yang disambut pada tahun ke 18 diserikan dengan lebih 100,000 bendera yang berkibar megah di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, SHWP disambut lebih meriah berbanding tahun-tahun sebelumnya memandangkan ia turut meraikan tiga perayaan utama di Wilayah Persekutuan.

"Tahun ini, SHWP amat meriah kerana ia dirayakan serentak dengan Tahun Baru Cina, Hari Wilayah Persekutuan dan Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur.

"Oleh yang demikian, KWP telah mengedarkan lebih 100,000 bendera untuk dikibarkan di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan dan kawasan-kawasan utama seperti jalan-jalan protokol, premis-premis perniagaan, pejabat bangunan kerajaan dan kawasan perumahan rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan,"

Tambahnya, bagi memeriahkan lagi SHWP 2022, pihaknya turut melakukan pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan di tiga pusat beli-belah terkemuka di Lembah Klang iaitu Suria KLCC, Pavilion

Persekutuan di Kompleks Beli-Belah Pavilion di sini pada Khamis.

Hadir sama, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Menjelas lanjut, Shahidan berkata, pada tahun ini, sebanyak 71,000 bendera telah dipasang di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"15,530 di Putrajaya dan 18,000 di Labuan yang merangkumi kawasan-kawasan utama seperti jalan-jalan protokol, premis-premis perniagaan, pejabat bangunan kerajaan dan kawasan perumahan rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan."

Tambahnya, bagi memeriahkan lagi SHWP 2022, pihaknya turut melakukan pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan di tiga pusat beli-belah terkemuka di Lembah Klang iaitu Suria KLCC, Pavilion



KIBARAN Bendera Wilayah Persekutuan di sekitar Putrajaya semarakkan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022.

KL dan Mid Valley Megamall.

"Kompleks beli-belah ini sememangnya menjadi kunjungan orang ramai bukan sahaja warga Wilayah Persekutuan tetapi juga

dari negeri-negeri berdekatan.

"Pemasangan bendera Wilayah Persekutuan di pusat membeli-belah yang bersekali dengan dekorasi Sambutan Tahun Baru Cina dapat

menambahkan lagi kemeriahan SHWP tahun ini," katanya.

Beliau turut mengingatkan bahawa warga Wilayah Persekutuan merupakan *front line* kepada negara dan apa jua aktiviti yang dianjurkan akan menjadi penanda aras kepada seluruh negara.

"Ibu kota Malaysia berada di Wilayah Persekutuan, dan apa jua aktiviti yang kita buat akan menggambarkan Malaysia secara keseluruhannya," ujarnya.

Tambahnya, kempen dan pemasangan bendera Wilayah Persekutuan dapat memupuk kecintaan dan rasa sayang serta '*sense of belonging*' kepada Wilayah Persekutuan dalam kalangan warganya sekali gus dapat menonjolkan imej masyarakat Wilayah Persekutuan yang harmoni, prihatin, maju dan sejahtera selari dengan Aspirasi 'Our City Our Home' serta menzahirkan semangat 'We Feeling' dengan menyertai program/aktiviti SHWP sebagai sebuah Keluarga Malaysia. WK

MB Johor dahului penerima pingat kebesaran Wilayah Persekutuan

AZLAN ZAMBRY

MENTERI Besar Johor, Datuk Seri Hasni Mohammad mendahului senarai 273 penerima darjah dan pingat kebesaran sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan ini.

Beliau menerima kurianan Darjah Seri Utama Mahkota Wilayah (SUMW) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama yang dikurniakan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dalam istiadat pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2022 di Istana Negara pada Selasa.

Turut berangkat pada istiadat itu ialah Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Hadir sama Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Rosida Jaafar.

Selain itu, seramai 15 individu dianugerahkan Darjah Kebesaran Pangkat Kedua iaitu Seri Mahkota Wilayah (SMW) yang membawa gelaran Datuk Seri termasuk Ketua Audit Negara, Datuk



YANG Di-Pertuan Agong, Al Sultan Abdullah menyematkan pingat kepada Hasni pada Majlis Istimad Pengurniaan Darjah Kebesaran dan Pingat Wilayah Persekutuan 2022 pada Selasa.



SHAHIDAN menyembah ucapan sempena Hari Wilayah Persekutuan pada Majlis Istimad Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan di Istana Negara.

Seri Nik Azman Nik Abdul Majid; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Seri Asri Hamidon; Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Rakon; Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Datuk Seri Saiful Anuar Lebai Hussen; Peguam Cara Negara, Jabatan Peguam Negara, Datuk Seri Abdul Razak Musa dan Pengerusi Pihak Berkua Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Datuk Seri Mohd Salim Mohd Sharif yang juga Ahli Parlimen Jempol.

Penerima lain adalah Timbalan Panglima Tentera Darat, Letjen Jeneral Datuk Seri Mohammad Ab Rahman; Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) Datuk Prof Ts Dr Roziah Mohd Janor; Pengurus Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Datuk

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah; Pengarah Kanan Jabatan Siasatan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Seri Hishamuddin Hashim; Setiausaha Agung Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) Datuk Seri Windsor Paul John dan Pengurus YAYasan Warisan Batu, Datuk Seri Yahaya Mat Ghani.

Selain itu, Wira Bukit Kepong, Mendiang Tan Sri J.J. Raj (JR) yang juga Mantan Ahli Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan turut dianugerahkan SMW secara *posthumous*.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Idris Ahmad antara

59 individu yang dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Ketiga iaitu Panglima Mahkota Wilayah (PMW) yang membawa gelaran Datuk.

Penerima lain adalah Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Muslimin Yahaya; Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh; Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Dr Maziah Che Yusoff; Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) Datuk Prof Ts Dr Roziah Mohd Janor; Pengurus Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Datuk

Rubiah Wang yang juga Ahli Parlimen Kota Samaranan dan Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Datuk Anwar Mohd Zain.

Selain itu, atlet sukan paralimpik olahraga, Datuk Abdul Latif Romly; bekas atlet terjun kebangsaan, Datuk Leong Mun Yee, bekas pemain bola sepak kebangsaan dan Kuala Lumpur, Datuk Subardron Abd Aziz dan penyanyi terkenal tahun 70-an, Datuk Abdul Hail Amir atau lebih dikenali dengan Hail Amir turut menerima anugerah yang sama.

Dalam pada itu, seramai 48 individu dianugerahkan Darjah Kebesaran Pangkat Ketujuh iaitu Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (PPW).

lah Panglima Briged ke-12 Infanteri, Brigadier Jeneral Isa Daud, Pusat Penyelaras dan Pengurusan COVID-19 Wilayah Persekutuan, Danil-Taridi Ghazali; Pengarah Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi DBKL, LAr. Zulkefli Endut, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Mohd Nizam Yahya; Pengarah Bahagian Perancangan Pembangunan dan Ekonomi Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB), TPr Saifuddin Ahmad dan Ketua Pegawai Undang-Undang, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Mejar (B) Mohd Fadzil Ab Hamid.

Seramai 53 individu dianugerahkan Darjah Kebesaran Pangkat Kelima iaitu Kesatria Mahkota Wilayah (KMW) termasuk dua pegawai kanan YWP, iaitu Pengurus Kanan Bahagian Komunikasi Korporat dan Pengurusan Maklumat, Datin Ida Harlina Ikhwan Nasir dan Pengurus Kanan, Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama & Teknologi (P.E.S.A.T), Zahrulail Abdul Rahman manakala seramai 34 individu dikurniakan Darjah Kebesaran Pangkat Keenam iaitu Ahli Mahkota Wilayah (AMW) dan 53 individu dianugerahkan Darjah Kebesaran Pangkat Ketujuh iaitu Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (PPW). WK

Peserta dari lapan negeri ambil bahagian

Festival KL Genta 2022 tarik minat kumpulan budaya

HAZIRAH HALIM

GAYA seni tari lincah dan rancak yang disajikan dari lapan buah kumpulan kebudayaan dan kesenian tempatan menerusi Festival Kuala Lumpur Gendang dan Tari (KL Genta) 2022 memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Bandar Raya Kuala Lumpur, yang berlangsung pada 6 Februari lalu.

Pancaran lampu berwarna-warni dan dihiasi penari kebudayaan lengkap berbusana tradisional menari mengikut paluan gendang menterjemahkan budaya yang diwarisi zaman berzaman dijunjung kemas meskipun peredaran zaman.

Inilah budaya dari serata negara yang dikumpulkan dalam festival ini sebagai sebuah manifestasi kejayaan Kuala Lumpur yang meraikan sambutan 50 tahun sebagai bandar raya tertua di negara ini.

Bercakap mengeninya, Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata, Festival KL Genta 2022 melibatkan penyertaan daripada lapan negeri berkongsi pentas bagi mempersembahkan keunikan seni warisan negeri masing-masing.

"Festival ini menyaksikan keunikan muzik gendang, tarian, budaya, busana serta seni warisan lapan buah negeri di Malaysia yang dipersembahkan oleh kumpulan kebudayaan tempatan.

"Lapan negeri itu terdiri daripada pihak berkuasa tempatan yang bertaraf Bandaraya dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri iaitu Majlis Bandaraya Ipoh, Perak; Majlis Bandaraya Kuantan, Pahang; Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah; Majlis Bandaraya Seremban, Negeri Sembilan; Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Selangor; Pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang di bawah Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Pulau Pinang ser-



KL Genta 2022 menampilkan pelbagai persembahan menarik dan memukau daripada lapan negeri Kumpulan Kebudayaan dan Kesenian Tempatan.

ta Perbadanan Labuan (PL)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan penutup Festival KL Genta 2022 di Panggung Anniversary, Taman Botani Perdana Kuala Lumpur, Ahad lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar Kuantan, Datuk Hamdan Hussin, Datuk Bandar Seremban, Datuk Masri Razali, Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohamad Azhan Md Amir dan Datuk Bandar Kuala Terengganu, Rozali Salleh.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah merasmikan festival ini yang dilakukan serentak dengan Majlis Sambutan 50 Tahun Bandar Raya Kuala Lumpur pada 5 Februari lalu.

Mahadi berkata, festival ini merupakan salah satu program yang dianjurkan

bagi meraikan Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Kuala Lumpur Ke-50.

"Festival ini telah dianjurkan lima kali sejak tahun 2015 dan yang terakhir pada tahun 2019.

"Kumpulan kesenian dari negara-negara luar diundang dalam festival ini dan berkongsi pentas bersama-sama kumpulan kebudayaan dan kesenian tempatan bagi memaparkan keunikan muzik gendang, budaya, busana, kostum dan seni warisan negara masing-masing.

"Ia juga sebagai satu platform utama pembelajaran dan interaksi mengenai keunikan muzik gendang, tarian, busana, kostum dan seni warisan setiap negara yang menyertai festival ini," katanya. **WK**

DBKL akan tambah baik 306 lif di 31 PPR/PA

DARI MUKA DEPAN

MENURUT Ismail, bagi membolehkan warga kota mendapat kehidupan yang lebih selesa, DBKL akan membina 5,000 'council home' untuk disewa kepada warga kota dengan keluasan minimum 750 kaki persegi.

"DBKL juga akan membuat pembelian lif yang melibatkan 306 buah lif di 31 lokasi Projek Perumahan Rakyat/Perumahan Awam (PPR/PA) dan akan

dilaksanakan dalam tempoh dua tahun.

"Tahap keselamatan di Kuala Lumpur juga dipertingkatkan dengan melakukan pemantauan melalui kamera litar tertutup (CCTV) yang dikawal oleh Kuala Lumpur Command & Control Centre," ujarnya.

Katanya, pihak DBKL akan meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang pantas secara dalam talian untuk urusan lesen dan permit.

"DBKL akan memproses kelulusan

lesen premis perniagaan dalam tempoh 24 jam.

"Permohonan permit pembinaan bagi pembangunan berskala kecil dan keputusan permohonan boleh diperolehi dalam tempoh tiga hari," katanya.

Tambahnya, sebagai insentif untuk menggalakkan warga kota melakukan urusan secara dalam talian, pembayaran yang melibatkan semua fi permohonan, akan diberikan rebat 10 peratus sepanjang tahun 2022. **WK**



Program mesra rakyat WP

WILAYAH Persekutuan kini dalam suasana ceria meraikan Jubli Emas Kuala Lumpur diisytihar bandar raya pada 1 Februari 1972, dan Wilayah Persekutuan (WP) pada 1 Februari 1974.

Kawan-kawan Kedai Kopi berkongsi kegembiraan warga WP. Memetik Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, sebanyak 64 program berkonsep mesra rakyat disusun sepanjang Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022.

Program ini yang disambut dalam suasana norma baharu, bermula sejak 15 Januari lepas hingga 28 Februari. Ia diraikan serentak di Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya.

Sambutan SHWP 2022 bertema 'Keluarga Malaysia' bertujuan menterjemahkan konsep 'Our City Our Home' (Bandar Raya Kita Rumah Kita).

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, konsep dirangkum dalam enam teras utama iaitu Pengiktirafan, Ilmiah dan Pendidikan, Usahawan, Kemasyarakatan, Seni dan Budaya serta Sukan. Kesemuanya dirangkum dengan matlamat utama menjamin kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan.

Termasuk dalam program ini ialah memperkasa keusahawanan seperti Agrobazar dan Trak Makanan (Food Truck), Karnival Usahawan Muda Kota Mini serta Bazaar Kreatif Usahawan Muda Kota bermula 7 hingga 24 Februari. Turut diadakan ialah program sukan bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat.

Sangat sesuai konsep 'Keluarga Malaysia' diterapkan dalam sambutan ini. Ia dapat memupuk perpaduan dan semangat kekeluargaan di kalangan warga WP dalam meniti kehidupan sebagai warga kota.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya program yang disusun akan terus mempererat hubungan baik seluruh warga Wilayah Persekutuan, khususnya selepas dua tahun melalui kehidupan dan interaksi berkurangan lantaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19.

Jangan lupa meriahkan suasana dengan mengibar bendera Wilayah Persekutuan sempena Kempen Kibar Bendera yang bermula 15 Januari hingga 28 Februari. Ia adalah lambang kemegahan dan kekuatan Wilayah Persekutuan. Pastikan ia terus berkibar.

'Kapcai' membawa maut

SEJUMLAH 11,979 kematian dicatat di kalangan generasi muda Malaysia yang menunggang motosikal 'kapcai' dalam tempoh 2009 hingga 2020. Ini menyebabkan motosikal di bawah 150cc itu dianggap 'mesin pembunuhan' utama di kalangan remaja.

Memetik laporan Sinar Harian, statistik kemalangan jalan raya dalam tempoh tersebut merekod 2,688 kematian dalam kumpulan umur enam hingga 15 tahun akibat menunggang motosikal. Bagi kumpulan umur 16 hingga 20 tahun, jumlah kematiang yang direkod ialah 9,291 orang.

Kawan-kawan Kedai Kopi yang ramai daripadanya penunggang motosikal, sedih dan terkejut dengan laporan ini. Ia menyerlahkan bukan sahaja ramai remaja terkorban di jalan raya tetapi yang terkorban adalah di bawah umur.

Ini bermakna mereka masih belum memiliki lesen, jelas melanggar undang-undang. Memang sering kelihatan kanak-kanak atau remaja, termasuk di Wilayah Persekutuan, menunggang motosikal secara berbahaya untuk memperkenalkan kehebatan menunggang. Aksi begini membawa padah.

Motosikal siapa yang mereka tunggang? Kemungkinan besar ialah milik bapa atau ahli keluarga. Adakah mereka menunggang dengan 'mencuri-curi' atau diberi kebenaran?

Jika mereka sanggup dibenar menunggang sedangkan diketahui tidak memiliki lesen dan di bawah umur, ibu bapa turut bersubahat di atas kecelakaan yang menimpah anak mereka.

Perbuatan ibu bapa ini sangat tidak bertanggungjawab. Kanak-kanak atau remaja apabila berpeluang menunggang motosikal, selalunya akan seronok habis-habisan dengan saling menunjukkan aksi penunggang berbahaya. Tidak hairan jika ramai maut di jalan raya.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap pihak berkuasa bertindak tegas terhadap penunggang motosikal bawah umur. Pastikan juga tindakan tegas tanpa kasihan diambil terhadap ibu bapa atau ahli keluarga yang sengaja bersubahat melakukan kesalahan.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosnidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com

Sabrina Sabre

sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com

Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annur
affandywilayahku@gmail.com

Fauzi Taib

adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwkvt@gmail.com
Nooreeza Hashim
nooreezahashimwilayahku@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my



Senarai penerima DKBPWP 2022

SENARAI PENERIMA DKBPWP TAHUN 2022 SERI UTAMA MAHKOTA WILAYAH (S.U.M.W.)

YAB Datuk Seri Utama Haji Hasni bin Mohammad
Menteri Besar Johor

SENARAI PENERIMA DKBPWP TAHUN 2022 SERI MAHKOTA WILAYAH (S.M.W.)

YBhg. Datuk Seri Nik Azman bin Nik Abdul Majid

Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara

YBhg. Datuk Seri Asri bin Hamidon

Ketua Setiausaha Perbadanan, Kementerian Kewangan

YBhg. Datuk Seri Jamil bin Rakon

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri

YBhg. Datuk Seri Saiful Anuar bin Lebai Husseen

Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

YBhg. Datuk Seri Abdul Razak bin Musa

Peguam Cara Negara, Jabatan Peguam Negara

YB Datuk Seri Haji Mohd Salim bin Mohd Sharif

Pengerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah

YBhg. Datuk Seri Hishamuddin bin Hashim

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Seri Mohammad bin Ab. Rahman

Timbalan Panglima Tentera Darat, Angkatan Tentera Malaysia

YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah bin Abdullah

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad

YBhg. Datuk Seri Mohd Nazri bin Md. Shariff

Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan PRIMA Malaysia

YBhg. Datuk Seri Ng Thien Phing

Pengerusi ICT Zone Asia Berhad

YBhg. Datuk Seri Stephen Sim Choo Thiam

Presiden SCITY Development Sdn. Bhd.

YBhg. Datuk Seri Windsor Paul John

Setiausaha Agung Konfederasi Bolasepak Asia

YBhg. Datuk Seri Haji Yahaya bin Mat Ghani

Pengerusi Yayasan Warisan Batu

Mendiang Tan Sri Datuk Seri J.J. Raj (JR)

Mantan Ahli Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan

SENARAI PENERIMA DKBPWP TAHUN 2022 PANGLIMA MAHKOTA WILAYAH (P.M.W.)

YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

YB Datuk Muslimin bin Yahaya

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi

YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan

YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff

Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

YBhg. Datuk Prof. Ts. Dr. Hajah Roziah binti Mohd Janor

Naib Canselor Universiti Teknologi Mara

YB Senator Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid

Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd

YB Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang

Pengerusi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

YBhg. Datuk Arham bin Abdul Rahman

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

YBhg. Datuk Nor Yahati binti Awang

Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

YBhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi

Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman bin Hassan

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi)

Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi

YBhg. Datuk Dr. Alauddin bin Sidal

Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara

YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

YBhg. Datuk Abdullah bin Zainal @ Deraman

Ketua Pengarah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah

YBhg. Datuk Kapten Chester Voo Chee Soon

Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Penerangan Awam Malaysia

YBhg. Datuk Dr. Kalaiarasu a/l M.Peariasamy

Pengarah Institusi Penyelidikan Klinikal

YBhg. Datuk Hajah Nor Zamani binti Abdol Hamid

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

YBhg. Datuk Dr. Hajah Nor Fariza binti Ngah

Hospital Shah Alam

YBhg. Datuk Wan Shaharuddin bin Wan Ladin

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

YBhg. Mejar Jeneral Datuk Hamzah bin Ali

Angkatan Tentera Malaysia

YBhg. Datuk Haji Munir bin Haji Md. Salleh

Pegawai Agama Istana, Istana Negara

YBhg. Datuk Abdul Halim bin Abdul Jalil

Kementerian Pertahanan Malaysia

YBhg. Datuk Anwar bin Mohd Zain

Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur)

YBhg. Datuk Dr. Shaiful Azmi @ Jamaruddin bin Yahaya

Institut Jantung Negara

YBhg. Datuk Dr. Azlan bin Hussin

Institut Jantung Negara

YBhg. Datuk Dr. Kumara Guruparan a/l Ganeshan

Institut Jantung Negara

YBhg. Datuk Prof. Emeritus Dr. Teo Kok Seong

Ahli Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan

YBhg. Datuk Haji Darussalam bin Budin

Ahli Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan

YBhg. Datuk Vijaymohan a/l Karuppiah

Ahli Jawatankuasa Sistem Insuran Pekerja

YBhg. Datuk Dr. Roziah binti Omar

Universiti Kuala Lumpur

YBhg. Datuk Prof. Dr. Mazliham bin Mohd Su'ud

Multimedia University

YBhg. Datuk Nursiah binti Arshad

Mantan Ahli Lembaga Pengampunan Wilayah

Persekutuan

YBhg. Datuk Hajah Badiah binti Abdul Manan

Pergerakan Puteri Islam Malaysia

YBhg. Datuk Abdul Latif bin Romly

Atlet Sukan Paralimpik Olahraga

YBhg. Datuk Leong Mun Yee

Bekas Atlet Terjun Negara

YBhg. Datuk Subardron bin Abd Aziz

Bekas Pemain Bola Sepak Kebangsaan

YBhg. Datuk Haji Mohd Asri bin Ahmad

Asri Ahmad Academy Sdn. Bhd.

YBhg. Datuk Mohd Najib bin Ibrahim

Cyberview Sdn. Bhd.

YBhg. Datuk Nokman bin Ahmad

Fountain Circle Sdn. Bhd.

YBhg. Datuk Tan Ai Chong

Platinum Victory Sdn. Bhd.

YBhg. Datuk Muhammad Razlan bin Ismail

Dream At Work Sdn. Bhd.

YB Datuk Haji Maslin Sham bin Razman

Ahli Lembaga Penggarah Rapid Bus Sdn. Bhd.

YB Datuk Haji Nawi bin Mohamad

Mantan Pengurus Jawatankuasa Pertanian Dan Industri Asas Tani, Perusahaan Perladangan dan Komoditi Negeri

YBhg. Datuk Hairunnisha Bivee binti A.S.M Ismail

Pertubuhan Kebajikan Rimbaun Kasih Kuala Lumpur

YBhg. Datuk Akbar bin Salim

Felcra Diversatech Sdn. Bhd.

YBhg. Datuk Zurihan bin Yusop

Koperasi Jenjarom Kuala Langat Berhad

YBhg. Datuk Haji Annuar bin Ahmad

Pusaka Seni Silat Gayung Malaysia

YBhg. Datuk Mohd Faizal bin Ramli

Mantan Ahli Lembaga Kelab Bola Sepak Felda United

YBhg. Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin

Kelab Pemimpin-Pemimpin Muda Bakri

YBhg. Datuk Bibi Safnah binti Datuk Alli Hassan

Bena Sama Contractor

YBhg. Datuk Yap Keng Fatt

RDS Marketing Malaysia Sdn. Bhd.

YBhg. Datuk Ahmad Faisal bin Abdul Karim

Ekovest Berhad

YBhg. Datuk K. Ramalingam a/l Krishnamoorthy

QCT Energy & Offshore Solutions Sdn. Bhd.

YBhg. Datuk Abdul Hail bin Amir

Penggiat Seni

YBhg. Datuk Tee Swee Guan

MJHM Holdings Sdn. Bhd.

YBhg. Datuk Ng How Doo

Persatuan Cina Malaysia Bahagian Bukit Bintang

YBhg. Datuk Ng Chin

Pertubuhan Pedagang dan Pelabur China, Malaysia

YBhg. Datuk Mohd Zoolihsan bin Ahmad

Ahli Lembaga Pelawat Hospital Sultan Haji Ahmad Shah

YBhg. Datuk Mohamad Faizal bin Mohamad Mokhtar

Gading Resources Sdn. Bhd.

JOHAN MAHKOTA WILAYAH (J.M.W)

Encik Suhaimi bin Ali @ Ahmad

Jabatan Perkhidmatan Awam

YBrs. Laksamana Muda Mohamad Azwan bin Harun

Angkatan Tentera Malaysia

YBrs. Brigadier Jeneral Fazal bin Abdul Rahman

Angkatan Tentera Malaysia

YBrs. Brigadier Jeneral Isa bin Daud

Angkatan Tentera Malaysia

YBhg. Mejar Jeneral Dato' Ir Mohamad Razip bin A Samad

PADA 1 Februari lalu, genap 50 tahun Kuala Lumpur diisytihar sebagai bandar raya pertama di Malaysia sejak 1 Februari 1972.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, berkata bagi mencapai aspirasi itu selain visi ‘Kuala Lumpur Bandar Untuk Semua’ yang ditetapkan menjelang 2040, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selaku pentadbir akan memberi tumpuan kepada pengurusan lalu lintas, pencegahan banjir dan pengukuhan sistem urus tadbir.

“Saya mengharapkan dan yakin jika hala tuju terus menumpukan tiga aspek dan agenda utama ini bagi 50 tahun akan datang, bandar raya ini terus berkembang pesat.

“Harapan dan jangkaan orang ramai semakin lama semakin tinggi, jadi DBKL harus bekerja lebih keras meningkatkan kecekapan bagi mewujudkan persekitaran bandar dinamik, bukan sahaja dari segi daya tarikan dan sesuai untuk didiami, malah lebih penting lagi dari segi penggerak ekonomi,” katanya.

Mahadi berkata, antara aspek sedang diperinci untuk penambahbaikan adalah kesalinghubungan ‘first mile’ dan ‘last mile’ termasuk laluan pejalan kaki bagi mencapai sasaran 70 peratus penggunaan sistem pengangkutan awam menjelang 2040.

Tiga agenda utama KL 50 tahun akan datang



KUALA Lumpur kini menuju ke arah menjadi lebih mampan, lestari, berdaya tahan dan sejahtera seperti dispirasikan lebih dua juta warganya.

Katanya, sistem pengurusan trafik di Bilik Operasi Kuala Lumpur Command and Control Centre (KLCCC) juga

dipertingkatkan dengan aplikasi teknologi kamera litar tertutup (CCTV) dilengkapi kecerdasan buatan (AI) yang menyediakan penyelesaian efektif secara automatik bagi membolehkan pihak berkuasa menyalurkan maklumat kepada orang awam secara langsung.

“Ia memberi amaran dan penyelesaian bagi situasi dijangka terjadi bagi membolehkan DBKL bersedia selangkah awal sebelum senario berlaku untuk mencegah kesesakan, selain memantau perubahan tahap air sungai bagi membuat persediaan jika berlaku banjir.

“Sebagai contoh, situasi banjir di Kuala Lumpur baru-baru ini lebih terkawal berbanding sebelum ini hasil usaha pencegahan dan aplikasi sistem pemantauan yang digunakan bagi membolehkan tindakan pantas dalam mencegah banjir kilat,” katanya yang turut meminta pemaju atau persendirian memastikan kawasan tanah terbuka dilitupi ‘selimut cerun’ bagi mengelak kejadian tanah runtuh.

Mahadi berkata, aspek keperluan ekonomi bandar turut ditekankan dalam meningkatkan keupayaan mewujudkan peluang pekerjaan bagi pembentukan bandar raya mampan, sekali gus berkembang secara holistik untuk jangka panjang.

“Peluang pekerjaan

dapat diwujudkan menerusi pembangunan. Usaha juga dilihat dari segi membentuk Kuala Lumpur sebagai bandar raya mesra pelabur bagi menggalakkan lagi peluang pekerjaan, sekali gus mengurangkan pengangguran.

“Individu yang berpeluang meraih rezeki di ibu kota kemudiannya mampu menyumbang kembali kepada bandar raya dan ekosistem ekonomi bandar melalui pembelian barang keperluan untuk perniagaan atau persendirian,” katanya.

Mahadi berkata, seiring kepentingan tadbir urus yang dinamik dan mampan, DBKL juga meneckan perancangan bandar terbaik seperti bandar rendah karbon, berdaya tahan, bebas kesesakan, mesra pejalan kaki serta mempunyai kemudahan mencukupi.

Selain itu, katanya, pengindahan landskap juga akan dilipatgandakan dalam menghijaukan bandar raya dan meningkatkan aspek penjagaan alam sekitar.

“Selepas hampir 40 tahun pelaksanaan visi penghijauan dengan sasaran menjadikan Kuala Lumpur bandar raya taman, kita mahu perhebatkan lagi

‘Mahadi berkata, antara aspek sedang diperinci untuk penambahbaikan adalah kesalinghubungan ‘first mile’ dan ‘last mile’ termasuk laluan pejalan kaki bagi mencapai sasaran 70 peratus penggunaan sistem pengangkutan awam menjelang 2040.

dengan sasaran mewujudkan bandar raya dalam taman pula,’ katanya.

Beliau berkata, penggunaan sumber tanah dengan lebih kreatif dan inovatif juga diambil kira bagi memastikan pembangunan berkualiti, mampan dan mampu menampung pertumbuhan menjelang 2040.

Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur (1972-2022) hari ini, serentak sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022, bagi memperingati ulang tahun ke-50 pengisytiharan Kuala Lumpur sebagai bandar raya pertama di Malaysia pada 1972.

SAJAK

SETIA UNTUK WILAYAH TERCINTA

Wilayah ini adalah payung bayangnya adalah teduh perjuangan tempat warga menabur harapan dari nawaitu gunung kemudiannya menuai sejahtera di ladang damai yang cinta.

Wilayah ini bagi lautan berkaca tempat mengail bahagia berbekalkan umpan hakikat dari putihnya embun malam sejernih potret mentari seceria rembulan menari.

Inilah Wilayah dilukis oleh silang kata bukalah buku akal rujuklah lembar pengalaman di rumah tempat bermulanya nawaitu pencarian.

Inilah Wilayah melimpah warna ukirkan ikrar kita tentang cekal dan hidup berbakti menjunjung pertiwi sebagai pewaris setia taat demi nusa, negara tercinta!.

Solihin Osman
Dangau Seni, Kangar.



Sambutan Hari Wilayah Persekutuan sudah 18 tahun kita raikan.

Kemakmuran dan kesejahteraan yang kita kecapai, adalah landasan kekuatan serta toleransi antara warganya.

Ayah, kita terus semarakkan rasa sayang dan tanggungjawab kepada Wilayah Persekutuan yang kita cintai sebagai asas Keluarga Malaysia.

SELAMAT MENYAMBUT HARI WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2022

DATUK SERI HAJAH ROSIDA BINTI JAAFAR
Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan



t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Banyaknya! Rugi akibat banjir RM6 billion

SEBANYAK RM6.1 bilion. Itulah nilai kerugian yang dicatat akibat banjir yang melanda 11 negeri pertengahan Disember 2019, berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) yang diumumkan baru-baru ini. Separuh daripada jumlah ini ditanggung oleh Selangor.

Memetik Ketua Perangkaan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, angka ini diperoleh melalui tinjauan khas bertujuan menilai impak banjir Malaysia. Kajian dijalankan mulai 30 Disember 2021 sehingga 27 Januari lalu.

Kaedah kajian adalah bancian secara bersempua, soal selidik, pemerhatian dan panggilan telefon serta menggunakan data yang diperoleh daripada pelbagai agensi lain.

Antaranya ialah Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Agensi Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam (APM) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat. Juga melalui kerajaan negeri, pejabat daerah dan pusat penempatan sementara (PPS).

Adi difahamkan, kajian ini merangkumi negeri-negeri yang teruk dilanda banjir termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Melaka, Selangor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Bagi terpaku hati Adi melihat angka besar kerugian dalam banjir yang menyebabkan kehilangan 55 nyawa dan kerosakan harta benda.

Selain itu ia juga menyaksikan 170,000 mangsa ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS).

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menduduki tempat keenam dalam senarai menganggung kerugian paling tinggi, berjumlah RM32.4 juta. Kerugian terbesar ditanggung oleh Selangor dengan jumlah RM3.1 bilion.

Ini diikuti oleh Pahang (RM593.2 juta); Melaka (RM85.2 juta); Negeri Sembilan (RM77.1 juta); Johor (RM50.1 juta); Kelantan (RM22 juta); Sabah (RM9.3 juta) dan Perak (RM3.4 juta). Jumlah kerugian ditanggung Terengganu dan Sarawak kurang daripada RM1 juta.

Kerosakan tertinggi yang direkod membabitkan aset awam dan infrastruktur iaitu RM2 bilion. Ini diikuti tempat kediaman sebanyak RM1.6 bilion, kenderaan RM1 bilion, pembuatan RM900 juta, premis perniagaan RM500 juta dan sektor pertanian RM90.6 juta.

Air itu apabila kecil adalah kawan, apabila besar ia adalah lawan. Namun ketentuan Allah tiada siapa dapat menduga bila banjir akan berlaku.



BANJIR dahsyat yang melanda telah menyebabkan kemusnahan dan kerugian terhadap negara, infrastruktur dan rakyat.

Juga tiada siapa dapat menduga sama ada limpahan air hujan akan hanya menyebabkan banjir kecil atau menyebabkan banyak kawasan tenggelam, nyawa melayang serta harta benda musnah.

Apa yang dialami oleh negara dan khususnya negeri-negeri terlibat banjir menampakkan betapa besarnya ujian Allah yang tidak mungkin dapat dihalang.

Cuma yang boleh dilakukan ialah mengambil ia sebagai ingatan dan pengajaran untuk masa hadapan.

Bagi Adi, ujian kali ini sewajarnya membuka mata pihak berwajib untuk mengkaji dengan teliti perancangan pembangunan di kawasan masing-masing.

Ini untuk memastikan projek berkenaan tidak menjelaskan persekitaran yang menyebabkan banjir lebih mudah berlaku.

Adi mengambil contoh timbulnya isu mengenai beberapa kawasan yang dicadang sebagai kawasan kolam tadahan di Kuala Lumpur tetapi dikatakan ditukar status menjadi kawasan pembangunan.

Jika benar ini berlaku, ia hanya menampakkan kelebihan pentadbiran yang tidak seharusnya terjadi.

Pembangunan pesat di Kuala Lumpur tidak harus sampai mengganggu perancangan penting dan spesifik seperti kolam tadahan.

Kolam tadahan berperanan penting sebagai wadah menampung jika berlaku limpahan air akibat hujan atau sebagainya. Jika ia diguna untuk tujuan lain, hilanglah tempat takungan.

Akibatnya banjir lebih mudah menjengah apabila bumi tidak dapat menampung volume air yang begitu banyak.

Harapan Adi ialah pihak berkuasa akan meneliti aspek ini dan mengambil tindakan sewajarnya.

Dengan banjir yang melanda Kuala Lumpur, kawasan kolam tadahan bukan sahaja mesti dipertahankan dan tidak ditukar guna, malah tempat tadahan tambahan wajar dicari.

Kerajaan telah memandang ke hadapan dengan pembinaan terowong SMART bagi

SKETSA



“Adi mengambil contoh timbulnya isu mengenai beberapa kawasan yang dicadang sebagai kawasan kolam tadahan di Kuala Lumpur tetapi dikatakan ditukar status menjadi kawasan pembangunan.

mengekang limpahan air, tetapi dengan volume air yang terlalu banyak, terowong tersebut tidak mampu menyerap semuanya. Tanpa bantuan tempat tadahan lain, keadaan semakin buruk.

Pada masa sama, pihak berkuasa, terutama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mesti sering memantau projek pembangunan di ibu negara untuk memastikan kontraktor sentiasa mematuhi garis panduan pembangunan yang diluluskan, terutama penjagaan kebersihan sekeling.

Ini kerana ada kontraktor yang tidak bertanggungjawab membiarkan sisa binaan berlonggok di kawasan persekitaran atau membuang ke dalam longkang dan laluan air.

Ini menyebabkan berlaku halangan pergerakan air dan membantu berlakunya banjir besar atau banjir kilat.

Menyentuh banjir di Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri lain, Adi syorkan kepada pihak berwajib memperbaiki aspek persiapan menghadapi bencana alam itu.

Ini penting untuk memastikan semua sentiasa dalam keadaan siap siaga. Apabila sahaja bencana berlaku, segala persiapan sudah sedia digerakkan.

Dalam banjir baru-baru ini, unsur yang dikatakan membantu kelancaran program bantuan kepada mangsa. Ada kerajaan negeri berselisih pendapat dengan kerajaan pusat untuk memastikan pihak mana yang lebih berhak melaksanakan kerja-kerja menyelamat atau memberi bantuan.

Isu seperti ini sama sekali tidak harus timbul kerana pada waktu kecemasan, harapan mangsa adalah kepada pihak berwajib memberi bantuan.

Tetapi jika pihak atasan sendiri sudah keliru dengan fungsi masing-masing, mangsa banjir yang menderita.

Yang membanggakan ialah dalam keadaan sukar ini, ramai yang bersedia menghulur bantuan bagi meringankan beban kepayaan ditanggung oleh mangsa.

Bantuan tenaga, kewangan dan barang dihulur oleh pelbagai pihak dari kawasan atau negeri yang tidak terjejas.

Antara yang banyak dihulur adalah sumbangan pakaian untuk semua peringkat, kanak-kanak hingga dewasa, lelaki dan perempuan.

Kerana pemurahnya penderma, banyak pakaian diterima untuk mereka yang tinggal di PPS, lantaran kebanyakannya berada

di situ dengan sehelai sepinggang, sekadar sempat menyelamatkan diri.

Cuma yang dikesali, oleh kerana sumbangan begitu banyak hingga melebihi keperluan, ada di antara sumbangan pakaian ini terbiar di PPS.

Penerima hanya mengambil sekadar yang perlu. Yang lain seperti dibiarakan terbuang begitu sahaja.

Ini tidak harus berlaku kerana setiap sumbangan mesti dihargai. Jangan dibiar sumbangan disiasakan. Seelok-eloknya dikumpul dan diberi kepada pihak memerlukan, bukan terhad kepada mangsa banjir sahaja.

Adi syorkan agar pihak berkuasa majlis tempatan mengumpul pakaian ini dan disimpan pada pusat yang boleh dinamakan pusat bekalan.

Jaga stok yang ada dengan baik dan ditambah menurut keperluan. Apabila berlaku bencana dan sumbangan diperlukan, keluarkan stok tanpa menunggu sumbangan orang ramai yang akan mengambil masa.

Bencana banjir yang melanda baru-baru ini menyerlahkan betapa besarnya ujian Allah. Kerosakan harta benda walau berbilion ringgit masih boleh diganti tetapi kehilangan nyawa tiada gantinya.

Sentiasalah berwaspada dan siap sedia.

Adi Taib

SAJAK

TIARA KASIH

Menghimpun gugusan mimpi mengundang calitan duka setelah tirai percaya kian rabak dimamah usia.

Harapan kian larut melupus segala kenangan rakaman kisah semalam lelah berputar.

Senandung rasa memijar ketika relung nurani memalu gendang sedar retak keegoan.

Musim hujan bertitisan hingga segala tanya tenggelam dalam kesyukuran memaku ingatan.

Kau lempar kebatilan di perdu jiwa insan tinta bertitah sabda melenyapkan seluruh keraguan.

Alamanda Desa
Kota Damansara, Selangor

Kos pembinaan akan ditanggung bersama dengan pemaju

YWP sumbang RM200 ribu bina rumah

AZLAN ZAMBRY

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) akan membina semula lima buah rumah panjang yang musnah dalam kebakaran di Bukit Kiara, Taman Tun Dr Ismail.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata rumah baharu yang berharga RM40,000 setiap satu itu akan turut disediakan peralatan asas rumah untuk keselesaan penduduk.

"Rumah baharu itu dijadualkan siap dan selamat untuk diduduki dalam tempoh tiga bulan.

"Tidak seperti unit kayu sebelum ini, ia akan diperbuat daripada batu bata bagi menjamin keselamatan yang lebih baik serta mempercepatkan proses pembinaan," katanya ketika ditemui pemberita semasa program gotong royong dan pembersihan kawasan di tapak kebakaran di Rumah Panjang Bukit Kiara berhampiran Taman Tun Dr Ismail pada Sabtu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun dan Pengerusi YWP Media Sdn Bhd, Datuk Mustafa Kamal Mohd Yusoff.



DATUK Seri Jalaluddin Alias (dua kiri) turut membantu membersihkan kawasan di tapak kebakaran Rumah Panjang Bukit Kiara pada Sabtu.

Program yang berlangsung selama setengah hari itu adalah untuk membersihkan kawasan bagi membolehkan kerja-kerja pembinaan dimulakan yang menyaksikan penyertaan kira-kira 100 sukarelawan terdiri daripada kakitangan YWP, Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur (JKMWPKL) dan penduduk setempat.

Awal bulan lalu, YWP turut menyumbang bakul makanan dan peralatan tempat tidur kepada mangsa yang terlibat akibat kebakaran yang berlaku pada 9 Januari tengah malam itu dan mereka kini menumpang di rumah jiran di ka-

wasan itu.

Dalam pada itu, Jalaluddin menasihati penduduk supaya lebih berhati-hati ketika mengendalikan peralatan elektrik dan bahan mudah terbakar bagi mengelakkan bencana seumpama itu.

"Kemalangan seperti ini boleh dielakkan jika kita berhati-hati. Syukur tiada kemalangan jiwa berlaku," katanya.

Penduduk **Krishna Kunari Letchumanan**, 61, yang tinggal bersama bapanya yang berusia 81 tahun menganggarkan kerugian yang terpaksa ditanggung adalah sekitar RM50,000.

"Saya mengusahakan kedai runcit. Semua barang saya musnah termasuk dua peti ais. Saya dan ayah tinggal di rumah kakak saya yang berdekat buat masa ini," katanya.

Beliau turut mengucapkan syukur di atas sumbangan YWP untuk membina sebuah rumah memandangkan mereka terpaksa hidup dalam keadaan tidak selesa.

"Kami sudah duduk lama di kawasan ini dan saya amat berharap sebuah rumah baharu dapat dibina untuk keselesaan bapa.



KRISHNA KUNARI

"Semua penduduk di sini juga amat berharap agar kawasan ini dapat dibangunkan supaya semua warga emas yang juga generasi pertama yang menetap di kawasan ini dapat menghabiskan sisa kehidupan di rumah yang lebih selesa," ujarnya.

Sementara itu, Zaizalnizam mengalu-alukan sumbangan daripada sektor swasta dan individu yang prihatin untuk membantu mangsa yang terlibat.

"YWP dari hari pertama kejadian telah berusaha menyalurkan bantuan kepada mangsa yang terlibat. Malah, kami turut memberikan sumbangan bakul makanan bagi mengurangkan beban keluarga mangsa.

"Selain itu, kami juga berharap gotong-royong ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara kakitangan dan warga kota," katanya.

Penempatan berhampiran Jalan Tun Mohd Fuad itu telah wujud sejak 40 tahun lalu dan merangkumi kira-kira 100 rumah panjang yang dihuni bekas pekerja ladang Bukit Kiara. **WK**

Kumpulan Megaklinik Zahran rancang tambah 18 lagi cawangan baru

SABRINA SABRE

KUMPULAN Megaklinik Zahran (KMZ) merancang menambah 18 lagi cawangan selaras dengan Visi dan Misinya (VM50) iaitu membuka 50 cawangan hingga tahun 2025.

Menurut Ahli Lembaga Pengarah merangkap Ketua Pegawai Operasi KMZ, **Datuk Mohd Nafidz Abdul Razak**, VM50 menyasarkan 50 cawangan ini akan menjana ekonomi setempat yang bernilai RM100 juta setahun.

"Harapan saya adalah untuk memberikan perkhidmatan perubatan yang berkualiti dengan moto 'Yang Pertama Di Mana-Mana' di samping dapat melahirkan ramai usahawan berjaya dengan model perniagaan KMZ yang akan disumbang semula kepada masyarakat, bangsa dan agama."

"Program pelesenan ini diwujudkan bagi mendukung visi dan misi KMZ dalam membantu kerajaan membangunkan ekonomi negara khususnya dalam bidang kesihatan dengan menyediakan fasiliti dan servis kesihatan khas untuk seluruh lapisan masyarakat," jelasnya dalam satu kenyataan.

Beliau turut memaklumkan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) telah memberikan dana kepada Pelesenan KMZ dengan peruntukan maksimum RM5 juta bagi sebuah klinik berkonsepkan Mega.



MAJLIS Apresiasi Kumpulan Megaklinik Zahran (KMZ) dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar (tengah) di Grand Hyatt Kuala Lumpur.

Sementara itu, pada 18 Januari lalu, KMZ telah mengadakan Majlis Apresiasi Usahawan Pelesenan KMZ di Grand Hyatt Kuala Lumpur dengan kehadiran beberapa tetamu jemputan seperti Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Tan Sri Noh Omar, Ketua Pegawai PUNB, Izwan Zainuddin, 17 orang usahawan serta ramai lagi.

"Jenama KMZ ini turut menjadi pilihan usahawan dalam kalangan selebriti antaranya Radin Radio ERA, Fad Bocey, Syaheera A Rahman, Tasha Manshahar, Raqib Majid, Dr Fitri Haris dan isteri, Safwan Nazri serta kapten pemain bola sepak, Razman Roslan dan isteri," tambahnya.

KMZ merupakan pilihan klin-

ik pesakit luar secara holistik telah menjadi perhatian ramai terutama ketika pandemik COVID-19 kerana menjadi klinik pertama swasta di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan kelengkapan COVID-19 bermula dengan Pusat Saringan, Pusat Penilaian (CAC), Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 swasta (PKRCs) kategori rendah dan juga Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

"Secara wajarnya, KMZ akan terus berusaha memberikan sokongan dan dorongan kepada mereka yang terlibat di samping memastikan industri kesihatan terus berkembang pesat," ujarnya yang akan sentiasa bersemangat dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi ne-

gara. **WK**

Alamanda rai Anak-Anak Yatim Sayang KL dan Selangor sempena Tahun Baru Cina

KEMERIAHAN sambutan Tahun Baru Cina terus dirasai apabila kanak-kanak daripada Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Sayang KL dan Selangor diraikan di Pusat Membeli-Belah Alamanda pada 26 Januari lalu.

Lebih meriah, pihak pengurusan Alamanda menyajikan sekumpulan 15 kanak-kanak berumur antara dua hingga 12 tahun itu dengan makanan tengah hari Tahun Baru Cina yang istimewa di Secret Recipe.

Menurut Pengarah Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, **Andrew Brien**, Tahun Harimau melambangkan permulaan baharu memandangkan kita masih berada dalam fasa pemulihan pandemik dan ia juga merupakan waktu terbaik untuk merasai kembali beraya bersama-sama.

"Walaupun beraya di samping rakan-rakan dan keluarga adalah penting, kita mesti sentiasa mengingati mereka yang serba kekurangan."

"Justeru itu, kami merasa bertuah dapat menjadi hos kepada kanak-kanak ini dan berharap program ini akan menjadi kenangan yang tidak akan dilupakan

oleh mereka," ujarnya yang menganggap ia sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Tambah beliau, dalam program berkenaan, pihaknya turut membawa kanak-kanak itu menuai tunggangan permainan di dalam pusat membeli-belah sebelum membawa mereka ke Centre Court untuk menyaksikan persembahan tarian singa bagi memberikan keceriaan kepada mereka.

"Bukan sekadar menerima angpau dan barang, perhatian dan layanan istimewa daripada Alamanda begitu bermakna buat mereka," kata penjaga Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Sayang KL dan Selangor, Foo Jong Hong.

Di samping itu, kanak-kanak ini juga menerima angpau dan limau mandarin oleh Pengurus Besar Alamanda, Pang Sook Fong sebagai sebahagian daripada tradisi sambutan Tahun Baru Cina.

"Rakan niaga yang lain turut menyumbang snek dan barang lain kepada kanak-kanak ini," katanya. **WK**

REALITI KEHIDUPAN

RodaKota

11 - 17 FEBRUARI 2022 . BIL 153

Wilayah Ku

Golden Ride KL-Arau kongsi nostalgia, kecemerlangan ibu kota

Deruan motosikal buka Sambutan Jubli Emas Kuala Lumpur



AZLAN ZAMBRY

FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN

DERUAN enjin 50 buah motosikal berkuasa besar meredah Lebuh Raya Utara Selatan hampir 470 kilometer (km) dari Dataran Merdeka menuju ke Arau,

Perlis membawa satu matlamat, menghebahkan Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur yang disambut pada 1 Februari lalu.

Program yang julung kali

diadakan ini bermula pada 21 hingga 23 Januari dan dikenali sebagai Golden Ride KL-Arau 2022 diketuai oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias

menjelajah ke utara dengan satu semangat, berkongsi nostalgia, pengalaman, aspirasi dan kecemerlangan bandar raya Kuala Lumpur yang telah dibina bersama setiap rakyat Malaysia.



DATARAN Merdeka, kawasan yang menjadi tumpuan warga kota menjadi tempat bermulanya konvoi ini. Ia berkemungkinan disebabkan tanda perbatuan '0' bermula di sini.

Para peserta berkumpul untuk mendengar taklimat daripada urus setia, mendengar ucapan dan amanat yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah yang kemudiannya melepaskan konvoi tepat pukul 8.30 pagi.

Perjalanan yang mengambil masa kira-kira enam jam itu turut disertai oleh beberapa buah kenderaan pengiring dan lapan buah motosikal dari Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman yang ditugaskan untuk menjaga kawalan trafik bagi melancarkan pergerakan konvoi.

Selain itu, sebuah lori dan beberapa kenderaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membawa kotak makanan yang akan diedarkan kepada penduduk di dua buah kawasan parliment yang telah dipilih.

Tepat pukul 12.30 tengah hari, konvoi tiba di Juru, Pulau Pinang dan singgah untuk makan tengah hari di Restoran Nasmir yang terletak di Juru Auto City. Hidangan nasi kandar dari restoran terkenal ini membuka selera semua peserta konvoi.

Pada kesempatan itu, peserta konvoi mengambil peluang untuk berhenti sebelum wisel dibunyikan oleh seorang anggota polis yang ditugaskan untuk menjaga masa.

Tepat pukul 2.30 petang, konvoi kemudian bergerak menuju ke Arau. Sepanjang perjalanan, semua peserta disajikan dengan pemandangan indah, kiri dan kanan dipenuhi dengan sawah padi serta gunung-ganang yang mendamaikan.

Tepat pukul 4 petang, konvoi Golden Ride KL-Arau ini tiba di pintu gerbang negeri Perlis.

Kedua yang biasanya lengang menjadi sibuk apabila pasukan polis menjaga aliran lalu lintas disertai dengan bunyi siren memecah keheningan petang di negeri yang terkenal dengan kelazatan harumanis itu.

Kami kemudian menuju ke Restoran Nipah Klasik yang terletak di Simpang Empat dan dihidangkan dengan air nira ais. Pertama kali mencuba, rata-rata peserta berkata air nira ini manis dan sedap walaupun ia mempunyai rasa tertentu yang sukar untuk dihuraikan. Selain air nira, kami turut dijam dengan laksa Perlis dan beberapa kuih-muih tradisional.

Selepas minum petang, konvoi kemudian bergerak ke tempat penginapan. Selesai proses daftar ke tempat penginapan, kami berhenti sebentar melepaskan lelah sebelum perlu bersiap untuk menghadiri majlis sambutan yang dihoskan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Sejurus majlis sambutan bermula, Jalaluddin yang mengetuai konvoi memulakan ucapan dan merakamkan penghargaan kepada Shahidan di atas sambutan dan layanan yang istimewa untuk semua peserta konvoi.

Antara lain dalam ucapannya, Jalaluddin mencadangkan kepada Shahidan untuk menjadikan dua kawasan parliment, Arau dan Jelebu sebagai anak angkat kepada bandar raya Kuala Lumpur di atas faktor terdapat warga kota yang berasal dari dua daerah tersebut selain mereka turut menyumbang kepada kecemerlangan Kuala Lumpur sebagai bandar raya berkelas dunia dan ia dipersetujui Shahidan dengan menambah Parliment Bera yang perlu dijadikan sebagai anak angkat kepada Kuala Lumpur.

22 JANUARI 2022

BERMULA hari kedua, konvoi mulai bergerak meninggalkan

tempat penginapan menuju ke program kenduri rakyat anjuran Pusat Khidmat Ahli Parliment Arau di Kubang Gajah berhampiran Kampus Universiti Malaysia Perlis (Unimap). Alunan nobat dan serunai yang dimainkan pemuzik tempatan menyambut kehadiran para peserta konvoi. Kami kemudian dihidangkan dengan hidangan tempatan, gulai daging, sup daging, kerabu perut dan ikan bakar yang berjaya membuatkan peserta terpaksa melupakan diet seketika.

Selanjutnya, majlis penyerahan kotak makanan sumbangan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) serta wang tunai telah diserahkan kepada 100 keluarga yang kurang bernasib baik dan peserta konvoi perlu meninggalkan Arau untuk menuju ke Pulau Pinang.

Sebelum memasuki Pulau Pinang, konvoi singgah ke Stesen Rehat dan Rawat (R&R) Gurun untuk mengisi minyak. Di samping itu, sedikit pesanan daripada pihak polis yang mengingatkan peserta konvoi untuk sentiasa peka dengan situasi bagi mengelakkan kenderaan tercincir atau terputus daripada kumpulan konvoi.

Kesemua peserta konvoi akhirnya tiba di tempat penginapan berhampiran Batu Ferringhi. Sedikit masa yang terluang digunakan untuk berhenti atau bersiar-siar di sekitar pantai kerana menjelang malam, kami dikehendaki menyertai semula konvoi ke tempat makan malam di kawasan pantai di Bayan Lepas dan pulang semula ke tempat penginapan untuk berhenti dan melakukan persiapan aktiviti pada hari ketiga.

23 JANUARI 2022

TEPAT pukul 8.30 pagi, konvoi kemudian bergerak keluar menuju ke destinasi seterusnya menuju ke Parliment Parit di Perak. Memasuki Bandar Diraja Kuala Kangsar, konvoi perlu melalui jalan



JALALUDDIN (tengah) menunjukkan bakat bermain kompong bersama Kumpulan Rebana ketika mengiringi persembahan menyambut konvoi Golden Ride KL-Arau 2022 yang singgah ke Parliment Parit.



PROGRAM konvoi Golden Ride KL - Arau menjadi platform bagi warga Wilayah Persekutuan melalui YWP untuk memberikan sumbangan kepada golongan memerlukan di Arau.



SHAHIDAN (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun (tengah) di atas sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada penduduk Parliment Arau.





JALALUDDIN (tengah) menyerahkan sumbangan kotak makanan daripada YWP kepada seorang penerima di Parliment Parit.



JALALUDDIN (kiri) ditemani Ahli Parliment Parit, Datuk Mohd Nizar Zakaria (tiga dari kiri) meluangkan masa melihat aktiviti sukan permotoran motorcross yang dijalankan di litar yang terletak berhampiran Kem Kota, Parit pada hari terakhir program Golden Ride KL-Arau 2022.

kampung yang mengambil masa hampir satu jam. Menariknya, sepanjang perjalanan, warga desa tidak putus-putus melambaikan tangan kepada rombongan. Setibanya di Pekan Tanjung Belanja, rombongan diiringi Kelab Bikers Parit menuju ke Kem Kota.

Ketibaan rombongan disambut oleh Ahli Parliment Parit, Datuk Mohd Nizar Zakaria. Sebagai memuliakan kedatangan peserta

konvoi ini, Kumpulan Rebana mempersembahkan paluan kompong, sebagai simbolik menyambut kedatangan tetamu. Istimewanya, kedua-dua pemimpin ini, Nizar dan Jalaluddin turut menunjukkan bakat serta kemahiran bermain kompong dan mengiringi persembahan tersebut.

Setelah ucapan berlalu, kami disajikan dengan hidangan tradisional masyarakat di Parit

ini termasuklah ikan sungai, dan kami turut dijamu dengan air sarbat yang menyelerakan. Selain itu, kami turut disajikan dengan persembahan daripada Kumpulan Rebana dan penyerahan sumbangan kotak makanan serta wang tunai kepada 100 keluarga asnaf dalam Parliment Parit ini.

Rombongan kemudian bertolak ke Kuala Lumpur dan sepanjang perjalanan,

penunggang motosikal terpaksa menempuh hujan lebat sehingga tiba di destinasi terakhir iaitu Menara Kuala Lumpur bagi upacara perasmian penutup yang disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Dalam ucapannya, Shahidan mahu program seumpama ini dilaksanakan lagi untuk menguar-

Tahun Bandar Raya Kuala Lumpur ke seluruh bandar raya di seluruh negara.

Beliau turut mencadangkan agar program ini diperluaskan ke Sarawak dan Sabah kerana semua pihak yang datang dari seluruh pelusuk tanah air mempunyai peranan tersendiri dalam memajukan Kuala Lumpur seperti yang dikecapi pada hari ini.

WK

Konvoi diteruskan ke Pantai Timur, buka peluang *bikers* KL untuk sertai

KEJAYAAN melaksanakan konvoi Golden Ride KL-Arau yang berlangsung dari 21 hingga 23 Januari lalu akan diteruskan dalam tempoh terdekat sekali gus membuka peluang kepada komuniti *bikers* sekitar Kuala Lumpur untuk menyertainya.

Pengarah programnya, Khairul Anuar Mhd Juri berkata, melalui jumlah tidak rasmi, dianggarkan Kuala Lumpur mempunyai lebih 10,000 *bikers* yang berpeluang mengikuti

program-program konvoi anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada masa depan.

"Komuniti *bikers* ini sangat besar dan berkemungkinan jumlahnya melebihi 10,000 orang yang ada di Kuala Lumpur.

"Mungkin ada kembara untuk siri-siri yang akan datang dan kita akan agihkan peluang kepada kelab *bikers* yang lain mengikut parliment yang ada dan ia akan dibincangkan

dengan pihak pengurusan," katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Khairul Anuar berkata, pihaknya kini giat melakukan persiapan untuk meneruskan konvoi Golden Ride ke Pantai Timur seperti yang telah diumumkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim baru-baru ini.

"Pusingan kedua ini bakal menuju ke Pantai Timur yang meliputi negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan sebelum pulang semula ke Kuala Lumpur.

"Banyak faktor yang perlu dibincangkan termasuklah



KHAIRUL ANUAR



SHAHIDAN (dua dari kiri) bersama-sama Jalaluddin dan Khairul Anuar mengibarkan bendera Sambutan 50 Tahun Bandar Raya Kuala Lumpur dalam majlis penutup di Menara KL pada hari terakhir program tersebut 23 Januari lalu.

laluan yang sesuai dan cadangan program di destinasi yang terpilih," katanya.

Mengulas mengenai kejayaan program Golden Ride KL-Arau, beliau melahirkan kesyukuran di atas penganjuran serta tiada masalah serius yang timbul sepanjang konvoi.

"Semuanya berjalan dengan lancar dan ada masalah kecil itu biasa kerana ia melibatkan konvoi yang ramai.

"Namun keterlibatan pasukan polis trafik Bukit Aman yang mengiringi konvoi sepanjang pergi dan balik menjadikan konvoi ini dilaksanakan dengan baik," katanya.

Beliau memberitahu, program tersebut merupakan cetusan idea daripada Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias pada awal Disember 2021 yang lalu.

"Sebaik sahaja mendapat arahan, kita terus sahaja bertindak dan persiapan dilakukan dalam tempoh tidak sampai dua bulan.

"Jadual dalam membuat persiapan ini juga agak ketat memandangkan ia perlu dilaksanakan dengan segera.

"Selain itu, pasukan Polis Trafik Bukit Aman, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Menara Kuala Lumpur turut membantu dalam melancarkan lagi program tersebut," katanya.

Ujarnya, program melibatkan Kelab *Bikers* DBKL dengan kehadiran 25 peserta, Kelab *Bikers* Bandar Tun Razak yang diketuai oleh Datuk Rizalman Mokhtar, Kelab *Bikers* Jelebu dan YWP.

WK



KONVOI Golden Ride yang diketuai Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias bakal meneruskan kembara dalam masa terdekat menuju ke Pantai Timur untuk mempromosikan Sambutan Jubli Emas Kuala Lumpur di tiga negeri, Pahang, Terengganu dan Kelantan.



PERDANA MENTERI, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berucap ketika merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Bandar Raya Kuala Lumpur di Panggung Anniversary, Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur.

Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Bandar Raya Kuala Lumpur



NOOREEZA HASHIM

SAMBUTAN Ulang Tahun Ke-50 Bandar Raya Kuala Lumpur dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Panggung Anniversary, Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur.

Hadir sama, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Cassim, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala

Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah. Perdana Menteri telah mengumumkan Pakej Kesejahteraan Keluarga Malaysia Kuala Lumpur (PKKMKL) yang akan memberi manfaat kepada warga kota.

Turut diadakan adalah sesi pengenalan Festival Gendang dan Tari Kuala Lumpur 2022 atau KL Genta yang telah menampilkan wakil-wakil daripada pihak berkuasa tempatan yang bertaraf bandar raya dari seluruh Malaysia. **WK**



PERSEMBAHAN tarian dan gendang yang dipersembahkan sebagai sesi pengenalan Festival Gendang dan Tari Kuala Lumpur 2022 (GENTA 2022).

ANTARA persembahan dari lapan buah pihak berkuasa tempatan yang telah mengambil bahagian menjayakan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Bandar Raya Kuala Lumpur.



DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah (dua kanan) melancarkan gimik pelancaran Festival Gendang dan Tari 2022 (KL GENTA 2022).

Festival Gendang dan Tari 2022 (KL 2022)



NOOREZA HASHIM


Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Bandaraya Kuantan, Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Bandaraya Seremban, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu Perbadanan Labuan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang - MBPP. **W.K**

BERTEMPAT di Panggung Anniversary, Taman Botani Perdana telah berlangsungnya Festival Gendang dan Tari Kuala Lumpur 2022 atau KL Genta 2022 pada 6 Februari 2022.

Festival Gendang dan Tari ini merupakan festival yang menghimpunkan tarian, gendang dan nyanyian lalu dipersembahkan dalam satu bentuk pertunjukan.

KL Genta 2022 merupakan edisi yang keenam sejak ianya mula diperkenalkan pada tahun 2015 dan istimewanya pada tahun ini, festival ini diraikan bersama dengan Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur yang ke-50.

Peserta KL Genta 2022 adalah terdiri daripada pihak berkuasa tempatan yang bertaraf Bandar raya. Sebanyak lapan buah pihak berkuasa tempatan yang telah mengambil bahagian iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis



MAHADI ketika hadir pada Festival Gendang dan Tari 2022 (KL GENTA 2022).

"Pandemik COVID-19 ajar erti kekeluargaan" – Nad Zainal



DEEL ANJER

PELAKON popular Nad Zainal mengaku banyak hikmah dalam hidupnya apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan akibat pandemik COVID-19 sejak tahun 2020.

Menurut Nad atau nama sebenar Farah Nadia Zainal Abidin, 30, sepanjang tempoh sukar itu dia dapat meluangkan lebih banyak masa bersama keluarga sambil berhati menanti kelahiran cahaya mata kedua.

"Jujur saya cakap, pandemik ini sebenarnya mengajar kita untuk menghargai benda depan mata. Kalau dulu selalu sibuk sampai

kadang-kadang nak luangkan masa dengan keluarga pun susah.

"Tapi disebabkan pandemik ini, saya dapat lebihkan masa dengan keluarga, memang seronok sangat. Lagi pula ketika itu saya sarat mengandung, bersalin dan kemudiannya berpantang.

"Apa yang saya boleh cakap, pandemik COVID-19 ajar saya erti kekeluargaan yang sebenar. Inilah momen yang Nad akan simpan sampai bila-bila. Setiap saat bersama keluarga tak boleh dibeli dengan wang ringgit.

"Walaupun ada sedikit kerisauan memikirkan bila pandemik ini nak habis dan emosi pun bercampur baur kerana tak boleh nak bekerja, tapi saya cuba positifkan diri dan anggap ada hikmah atas apa yang terjadi,"

katanya.

Selepas beberapa bulan berkurnut di dalam rumah kerana PKP dan berpantang anak kedua, Nad meluahkan rasa bersyukur apabila dapat bekerja semula.

"Sejujurnya memang gembira apabila dibenarkan menjalani penggambaran semula, tapi dalam masa sama kita kena akur dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Tak boleh nak digambarkan betapa seronoknya dapat bertemu semula kawan-kawan yang dah lama tak jumpa. Mereka ini pun sebahagian keluarga saya," ujarnya yang semakin bahagia bersama suaminya, Faliq Amiruddin dan dua cahaya mata mereka Fahad Ibrahim, 6, dan Budi Kalsom yang berusia hampir setahun. **WK**

NAD ZAINAL mengaku pandemik COVID-19 memberi banyak hikmah kepadanya.



Aliff Syukri takut dilabel orang tua tak sedar diri

USAHAWAN kosmetik Datuk Seri Aliff Syukri berazam untuk mengurangkan kontroversi membabitkan dirinya.

Menurut Aliff, 36, dia enggan isu panas yang tular membuatkannya menjadi malu dengan anak-anak, sekali gus menjelaskan reputasi sebagai seorang bapa.

"Anak pertama saya pun dah masuk tingkatan tiga, bila dia tanya kenapa video tular macam ni, kita pun jadi malulah. Jadi saya fikir tak apa lah walaupun kurang kontroversi maruah itu lagi penting."

"Mereka dah membesar remaja, jadi anak bujang dan anak dara. Kita struggle membesar mereka, kita pun dah tak boleh nak marah-marah sebab takut mereka memberontak, jadi dari situ kita sedar."

"Saya nak jaga reputasi saya sebagai bapa. Saya mahu hubungan perkahwinan saya dan isteri berkekalan serta dihormati oleh isteri, anak-anak dan masyarakat," katanya ketika ditemui semasa majlis malam aspirasi D'Herbs yang diadakan di Hotel One World, Petaling Jaya, baru-baru ini.

Justeru itu, penyanyi lagu Coba ini nekad berubah dan memberi tumpuan kepada perniagaan.

"Sebenarnya kontroversi ini seronok tapi biarlah dia datang secara semula jadi bukan buat-buat sebab nak glamour. Kalau ikutkan saya pun nak popular hingga umur 60 tahun tapi bukan dengan cara yang murah."

"Kita kena sedar kita akan tua. Tak lama lagi dah nak masuk 40 tahun, rambut pun dah beruban. Jadi saya fikir sekarang ini masa untuk saya jadi ahli perniagaan sebenar bukan nak

gelenyar (gedik). Saya tak nak dah! Nanti orang kata orang tua tak sedar diri."

"Dalam tahap sekarang ni, saya nak maintain saja. Alhamdulillah semua dah cukup. Nak kata kaya tujuh keturunan saya tak berani sebab kita bukan Tuhan. Kita tak tahu mungkin satu hari nanti akan susah juga tetapi buat masa ini cukuplah boleh hantar anak ke sekolah, bayar gaji pekerja dan tidak dihimpit kontroversi murahan," ujarnya.



ALIFF Syukri mahu hidup lebih tenang tanpa kontroversi

Stacy dedah kisah peribadi dalam lagu Duit

14 tahun bergelar anak seni satu tempoh yang cukup mematangkan penyanyi Stacy.

Tiada lagi istilah mahu bereksperimen, sebaliknya, Stacy nama sebenarnya Ummu Shaikhah Stacy Anam, 32, ingin terus membuktikan kemampuan yang ada pada diri.

Malah, buat pertama kali menerusi buah tangan terbaharunya berjudul Duit, Stacy membongkar kisah sebenar dirinya.

Masih setia menggunakan khidmat suami tercinta juga penyanyi Akim Ahmad (Hang Nadim), lagu Duit ini juga menampilkan Bunga Cantik iaitu Stacy sendiri dan Koh sebagai komposer.

"Lirik lagu Duit ini ditulis terus daripada saya. Siapa kenal dan mengikuti latar belakang hidup dan perwatakan saya, ia memang berkaitan dengan lirik lagu ini."

"Lagu ini terinspirasi daripada itu sekali gus tercetusnya idea saya menulis lirik lagu yang lebih bercerita mengenai kehidupan saya," ujarnya.

Bercerita lanjut tentang lirik tersebut, ia menceritakan antara pesanan yang selalu didengari olehnya sejak kecil lagi.

"Bekalan ilmu dan semangat dalam menempuh kehidupan lebih pada ajaran daripada orang tua. Dalam masa sama, duit ini boleh tukar mata seseorang daripada tak suka, jadi suka. Daripada duit juga terhasilnya cerita, asal saja kita tahu sendiri apa di sebaliknya mendapatkan duit," katanya.

Biarpun sudah hampir 14 tahun bergelar penyanyi, dia berasaskan lagu tersebut adalah caranya memperkenalkan kehidupan serta siapa dirinya pada orang ramai.

Berkongsi lanjut mengenai lagu Duit, Stacy berkata ia sudah disiapkan sejak September tahun lalu.

Dalam masa sama, kejayaan lagu ciptaannya bersama Akim iaitu Cinta nyanyian Marsha yang layak ke Anugerah Juara Lagu ke-36 (AJL 36) memberikan

semangat untuknya melancarkan lagu Duit ini.

"Lagu ini sudah siap pada September tahun lalu. Cuma tangguh dan keluarkan lagu orang lain dulu. Apa yang membuatkan kami lebih bersemangat apabila lagu Cinta nyanyian Marsha ke AJL," kata Stacy.



STACY mahu peminat lebih mengenali sisi peribadinya menerusi lagu Duit.

DAPATKAN NASKHAH PERCUMA

Lokasi edaran:



Wilayahku juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti Pejabat Kerajaan, Masjid, Surau, 7 Eleven, 99 Speedmart, stesen minyak dan restoran serta lokasi tumpuan orang ramai.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE
26cm X 33cm
RM7,500



HALF PAGE
26cm X 17cm
RM5,500



QUARTER PAGE
12cm X 17cm
RM4,500



PANEL PAGE
[INNER]
26cm X 6cm
RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT BANNER
1080px X 96px
RM2,500

MIDDLE BANNER
1080px X 280px
RM2,000

MEDIUM RECTANGULAR
350px X 280px
RM1,500

HALF PAGE
350px X 500px
RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)

Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:
Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.



PERTANDINGAN menganyam ketupat dilakukan dengan menggunakan reben.



PASUKAN AXG Tribe daripada negeri Selangor memenangi acara sukan E-Sport Mobile Legends.

Bazaar Kreatif UAMK rai Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022



HAZIRAH HALIM

MESKIPUN negara masih berdepan situasi penularan wabak COVID-19, namun semangat menyambut Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tetap diraikan dengan pengawalan ketat prosedur operasi standard (SOP).

Tidak melepaskan peluang menyambut hari penuh bermakna itu, Bazaar Kreatif Usahawan Anak Muda Kota bertempat di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur turut mengambil peluang mengadakan beberapa program selama dua hari pada 1 dan 2 Februari lalu.

Acara yang dinamakan sebagai Program Hari Wilayah di UMK itu mendapat sambutan menggalakkan bukan sahaja daripada warga kota malah negeri lain juga seperti Pulau Pinang, Terengganu dan banyak lagi.

Pegawai Bahagian Pembangunan Ekonomi Belia, **Mohd Shahrizzat Sirun** berkata, 10 acara diadakan pada dua hari tersebut dan ia juga telah mencatatkan kehadiran sebanyak 1,500 orang pada kedua-dua hari itu.

"1 Februari (Selasa) telah diadakan lima acara iaitu persembahan *Wheelchair Dance - Money Heist*, teh tarik, pertunjukan fesyen peniaga, pertandingan *E-Sport Mobile Legends* dan mewarna.

Keesokan harinya pula (2 Februari) berlangsung pertandingan menganyam ketupat, *music chair*, limbo



SALAH seorang peserta pertandingan mewarna menunjukkan hasil lukisan yang telah diwarnakan semasa program itu.

dan gubahan bunga serta persembahan *Wheelchair Dance - Mentera Semerah Padi*, katanya kepada *Wilayahku*.

Katanya, kebanyakan pengunjung mengambil peluang untuk hadir menyertai pertandingan dan acara-acara yang disediakan oleh pihak UMK.

Menurut Izzat, antara program yang mendapat sambutan ialah pertandingan *E-Sport Mobile Legends* apabila acara ini telah disertai oleh beberapa negeri di Malaysia.

"Permainan atau acara sukan *E-Sport (Mobile Legends)* telah menarik penyertaan sebanyak 32 pasukan daripada beberapa negeri seperti Pulau Pinang, Terengganu, Selangor termasuk Kuala Lumpur.

"Pihak kami juga tidak menyangka program ini akan

menerima penyertaan daripada mereka khususnya pasukan daripada Pulau Pinang dan Terengganu yang sanggup datang dari jauh semata-mata untuk menyertai acara tersebut," katanya.

Jelasnya, daripada 32 pasukan yang menyertai hanya empat pasukan sahaja yang dinobatkan di tempat pertama, kedua, ketiga dan keempat.

"Tempat pertama telah dimenangi oleh AXG Tribe iaitu pasukan daripada negeri Selangor yang membawa pulang wang tunai sebanyak RM500 berserta medal. Kedua ialah Team Gajelas dari Pulau Pinang, Incromaniac (Kuala Lumpur) di tempat ketiga dan Squad Intelligence Killer (Kuala Lumpur) di kedudukan keempat.

"Kita juga tidak melupakan pemberian hadiah kepada pertandingan lain yang mana mereka telah mendapat hamper untuk kategori yang disertai," kongsinya. **WK**



PESERTA persembahan *Wheelchair Dance - Mentera Semerah Padi*.



HAZIRAH HALIM

MASAKAN Padang merupakan salah satu makanan yang sudah terkenal di negara Malaysia. Pergi sahaja ke pusat beli-belah atau gerai di sekitar ibu kota pasti ada. Cita rasa pedas, sedap dan enak dari ramuan rempah-rempah membuatkan ramai orang terpikat.

Buat anda penggemar menu masakan Padang, edisi *Wilayahku* kali ini akan membawa anda terbang jauh ke Indonesia untuk menikmati sendiri resipi ini di rumah.

Minggu ini, **Datin Seri Shamsiah Md Yassin** bersama **Chef Hasna** ingin berkongsi dua menu yang boleh dimakan tidak kira tengah hari atau malam. Selamat mencuba! **W.K.**

MEDIA WARGA KOTA

Lauk-pauk Padang

Ayam Bakar Padang

AIR TANGAN BONDA
DATIN SERI SHAMSIAH
BAHAN-BAHAN

- 1 ekor ayam dipotong kecil
- 1 sudu air limau nipis
- 4 ulas bawang putih dihiris
- 6 ulas bawang merah dihiris
- 2 batang serai
- 600 ml santan
- 1 sudu garam
- 1/2 sudu gula
- 3 asam keping
- Minyak masak

BAHAN KISAR

- 5 biji kemiri sangai
- 3cm kunyit dibakar
- 6 tangkai cili kering
- 3 cm cekur
- Serbuk perasa

CARA PENYEDIAAN

1. Lumur ayam dengan limau nipis dan garam. Perapkan ia selama 15 minit.
2. Panaskan minyak, kemudian tumis bahan-bahan yang telah dikisar termasuk bawang merah, bawang putih dan serai hingga berbau harum.
3. Apabila sudah naik bau, masukkan



ayam yang telah diperap sebentar sebelumnya.

4. Kemudian, masukkan santan, garam, gula dan asam keping ke dalam kuali. Biarkan ia mendidih.
5. Secara perlahan-lahan tuangkan santan ke dalam kuali tersebut. Biarkan sehingga pekat.
6. Setelah kesemua bahan mendidih tuangkan ke atas ayam dan perapkan selama 15 minit. Sudah cukup masa, ayam bakar padang sedia untuk dipanggang.

Gulai Ayam Padang



CHEF HASNA

BAHAN-BAHAN

- 1 ekor ayam dipotong kepada 14 bahagian

BAHAN KISAR

- 3 ulas bawang putih
- 4 ulas bawang merah

- 2 hiris halia
- 1 hiris lengkuas
- 2 batang serai
- 8 tangkai cili kering

BAHAN-BAHAN LAIN

- Buah pelaga
- Bunga lawang
- Daun kunyit
- Daun limau
- Kunyit serbuk
- Kerisik
- Garam

- Gula
- 1 kotak santan

CARA PENYEDIAAN

1. Rebus cili kering terlebih dahulu.
2. Masukkan bahan-bahan yang telah dikisar halus ke dalam periuk.
3. Tumis bahan-bahan lain bersama bahan yang telah dikisar dengan minyak ke dalam periuk.
4. Kemudian, masukkan ayam. Apabila sudah pecah minyak, masukkan santan dan biar sehingga mendidih.
5. Seterusnya, masukkan secubit garam dan sedikit serbuk perasa. Kacau sebatik.
6. Apabila sudah mendidih dan naik bau, tutup api. Gulai ayam padang sedia untuk dihidang.



Menambat selera dengan masakan Padang



SABRINA SABRE

MASAKAN Padang merupakan salah satu menu istimewa Minangkabau yang cukup terkenal dengan kepelbagaiannya juadah dan kelazatannya malah ia cukup popular dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Bagaimanapun untuk mencari restoran yang benar-benar menghidangkan juadah asli Padang cukup sukar apatah lagi yang mengekalkan resipi asli dan autentik.

Masakan Minang atau Padang yang rata-rata pedas namun sangat sedap. Nak cuba? Berikut edisi *Wilayahku* kali ini kongsikan kepada anda dua resipi masakan Padang yang boleh anda cuba di rumah. Selamat mencuba! **W.K.**

Gulai Tunjang

BAHAN KISAR

- Kunyit hidup
- Halia
- Lengkuas
- Bawang merah
- Bawang putih
- Cili padi
- Ketumbar
- Lada putih
- Buah pala
- Cengkeh

Jintan putih

- Jintan manis

BAHAN TUMIS

- Bawang merah
- Cengkeh
- Pelaga
- Kayu manis
- Daun limau purut
- Serai
- Daun salam

Daun kunyit
CARA PENYEDIAAN

1. Rebuskan tunjang sehingga empuk.
2. Kisarkan semua bahan kisar menggunakan *blender*.
3. Tumiskan semua bahan tumis sehingga naik bau.
4. Masukkan bahan kisar yang telah diblend halus.
5. Masukkan 2 keping asam keping.
6. Kemudian, masukkan tunjang yang telah direbus empuk.
7. Masukkan santan. Kacaukan dan tunggu sehingga mendidih.
8. Sedia untuk dihidang.



Paru Balada Merah

BAHAN-BAHAN

- 4 kg paru direbus empuk dan dihiris nipis
- 50 biji cili merah ditumbuk kasar
- 20 biji cili padi merah ditumbuk kasar
- 10 batang serai dititik
- 1 kg bawang besar dimayang halus
- 1 kg bawang merah ditumbuk

lumat

- 500 gram bawang putih ditumbuk lumat
- 200 gram serbuk kunyit
- 10 sudu makan air asam jawa
- Garam
- Gula

CARA PENYEDIAAN

1. Paru yang telah direbus

empuk dan dihiris ditabur sedikit garam dan serbuk kunyit, goreng garing. Ketepikan.

2. Panaskan lima senduk besar minyak dalam kuali. Tumis bahan-bahan tumbuk hingga naik bau.
3. Masukkan serai berserta cili merah dan cili padi tumbuk



4. Tambah garam dan gula secukup rasa. Kaup-balikkan sehingga sebatik.

Rasai ketegangan melalui empat filem 'terperangkap'



DIANA AMIR

MINGGU lalu dunia digemparkan dengan peristiwa adik Rayyan yang jatuh ke dalam lubang pergi sedalam 32 meter. Ketika itu seluruh dunia mendoakan serta menyaksikan operasi menyelamat melalui pelbagai medium. Setelah lima hari, adik Rayyan berjaya dikeluarkan namun disahkan meninggal dunia.

Seluruh dunia terkesan dengan pemergian anak kecil berusia lima tahun itu. Seorang diri di dalam lubang yang kecil dan gelap pastinya sukar bagi kanak-kanak maupun dewasa.

Edisi kali ini, *Wilayahku* kongsikan empat filem seakan sama dengan peristiwa ini yang sarat dengan elemen *survival*.

WK

#1 Aramm

Pengarah: Gopi Nainar
Pelakon: Nayanthara, Sunu Lakshmi

MENGISAHKAN seorang budak perempuan, Dhanshika, 4, terjatuh ke dalam sebuah lubang. Pelbagai emosi dalam kalangan penduduk

kampung dapat dilihat untuk menyelamatkan kanak-kanak perempuan tersebut.

Sebuah kejadian menimpa dan telah menyebabkan campur tangan ahli politik dan pihak berkuasa dalam operasi menyelamat. Saksikan filem ini bagi mengetahui kesudahannya.




#2 127 Hours

Pengarah: Danny Boyle
Pelakon: James Franco, Kate Mara

SEORANG pendaki gunung bernama Aron yang terperangkap di Robbers Roosts, Utah selama lebih daripada lima hari.

Filem ini juga menyelitkan elemen *survival* yang *hardcore* di mana Aron terpaksa memotong tangannya serta meminum air kencingnya sendiri dalam menyelamatkan diri. Bagi yang tidak kental disarankan jangan tonton berseorangan ya.




#3 Tunnel

Pengarah: Kim Seong Hun
Pelakon: Ha Jung Woo, Bae Doona, Oh Dal Su

FILEM Korea ini mengisahkan seorang jurujual kereta yang terperangkap di bawah terowong Hado. Ketika melalui terowong sepanjang 1961 meter itu ia tiba-tiba bergegar dan runtuh lalu menghempap kenderaan.

Dengan hanya berbekalkan telefon bimbit, dua botol air mineral 500 ml serta kek hari jadi anaknya, beliau perlu bertahan sehingga pihak penyelamat datang menyelamatkannya.

Filem ini turut menyindir isu media penyiaran ketika berlaku sesuatu peristiwa genting seperti itu. Jangan lupa untuk saksikan filem ini untuk mengetahui operasi menyelamat berjaya dilakukan atau sebaliknya.



#4 The 33

Pengarah: Patricia Rigen
Pelakon: Antonio, Naomi Scott

DITAYANGKAN pada 2015, filem ini berkenaan 33 pelombong di Chile yang terperangkap dalam lombong gua sedalam 700 meter.

Mereka hanya mempunyai tiga hari makanan di ruang keselamatan dan tiada cara untuk menghubungi dunia luar. Masing-masing mula merasakan tiada harapan dan segalanya seolah-olah hilang. Anda turut boleh merasai perasaan berputus asa yang dialami pelombong melalui filem ini.

Ia juga membuat kita mendalami kehidupan pelombong yang merisikokan nyawa mereka setiap kali pergi bekerja dengan bayaran yang sedikit.



Serlah WP harmoni, prihatin, maju dan sejahtera

Warga Labuan diseru kibar bendera



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

WARGA pulau ini diseru untuk mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) sebagai satu sokongan serta rasa cinta dan sayang terhadap Wilayah Persekutuan.

Pengerusi Perbadanan Labuan, **Datuk Seri Amir Hussien** berkata, sokongan terhadap kempen itu juga akan menyerlahkan imej masyarakat Wilayah Persekutuan yang harmoni, prihatin, maju dan sejahtera.

"Inisiatif ini bukan sahaja dapat meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan malah turut dapat memeriahkan lagi SHWP 2022 di samping program Pencahayaan Wilayah Persekutuan yang mengindahkan seluruh kawasan khususnya di Labuan yang telah dilancarkan secara rasmi pada 30 Januari ba-



AMIR (tengah) melancarkan Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan sempena SHWP 2022 peringkat Labuan di Kompleks Ujana Kewangan, baru-baru ini.

ru-baru ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan tahun 2022, baru-baru ini.

Pada program yang sama, turut diadakan Program Pameran Keluarga Malaysia yang diser-

tai Jabatan Penerangan Labuan (JaPen), PDRM, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Labuan, Perbadanan Labuan, Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan beberapa agensi kerajaan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail,



AMIR (depan) meninjau kios Jabatan Penerangan (JaPen) pada Program Pameran Keluarga Malaysia sempena SHWP 2022 peringkat Labuan.

Timbalan Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan Hamir Zahari.

Amir berkata, sebanyak 10,000 unit bendera Wilayah Persekutuan telah dikibarkan di seluruh Labuan sempena SHWP 2022.

"Sebanyak 4,000 unit bendera Wilayah Persekutuan telah dipasang di kawasan jalan utama

bandar Labuan, 1,000 unit di kawasan premis-premis, 2,000 unit di kampung-kampung mengikut zon merangkumi lima zon.

"Agihan menerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) sebanyak 1,000 dan 2,000 unit lagi di agihkan semasa majlis pelancaran bagi setiap lokasi majlis," katanya.

WK

KPLB sedia RM1.5 juta bagi pembangunan dan naik taraf kampung

KEMENTERIAN Pembangunan Luar Bandar (KPLB) memperuntukkan sejumlah RM 1.5 juta tahun ini bagi kerja-kerja naiktaraf dan pembangunan kampung-kampung di wilayah itu.

Menurut Ketua Setiausaha KPLB, **Datuk Ramlan Harun**, peruntukan itu termasuklah projek naik taraf jalan raya di kampung-kampung, baik pulih rumah PPRT dan sebagainya.

Katanya, pelaksanaan projek pembangunan dan naik taraf itu bakal dilaksanakan pada masa terdekat.

"Tahun ini kita menyediakan

peruntukan sejumlah RM1.5 juta untuk dibelanjakan di Labuan. Kita harap peruntukan itu dapat dibelanjakan dengan secepatnya.

"Kita juga akan mengusahakan peruntukan lain bagi memastikan rakyat di Labuan mendapat manfaat daripada peruntukan yang disediakan oleh KPLB," katanya pada sidang media selepas mengadakan tinjauan di beberapa buah kampung di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Perbadanan Labuan, Datuk Seri Amir Hussien.

Ramlan berkata kemente-

riannya bekerjasama dengan Perbadanan Labuan dari segi penyelaras bantuan pembangunan itu agar kesemua kampung menerima manfaat itu dengan adil.

"Setelah perbincangan bersama dibuat, kita bersetuju agar pihak Perbadanan Labuan mengemukakan permohonan rasmi kepada KPLB bagi bantuan pembangunan kampung-kampung di pulau ini," katanya.

Terdahulu, beliau bersama delegasinya mengadakan lawatan kerja ke Labuan selama dua hari bermula semalam.

WK



RAMLAN (tengah) diiringi Amir (kiri) mengadakan lawatan ke tapak geopark ketika seri lawatan kerja selama dua hari di pulau itu, baru-baru ini.

Memudahkan polisi industri teras mampu mengembangkan ekonomi Labuan

USAHA untuk mengembangkan pertumbuhan ekonomi di pulau ini perlu dilaksanakan termasuklah memudahkan polisi agar kesinambungan sosioekonomi teras di pulau ini terjamin.

Menurut Pengerusi Perbadanan Labuan, **Datuk Seri Amir Hussien**, usaha itu perlu dilaksanakan dan ia seajar dengan pengiktirafan Labuan sebagai pulau bebas cukai.

Katanya, industri utama iaitu industri perkapalan, min-

yak dan gas, kewangan perlu dimampunkan agar ia setanding negara-negara luar.

"Kita harus memberi fokus kepada industri teras di pulau ini dengan mempermudahkan polisi agar aktiviti-aktiviti industri tersebut dapat dikembangkan lagi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Pejabat Victoria STS di Labuan Times Square, baru-baru ini.

Dalam lawatan itu, Amir diberikan taklimat mengenai pengoperasian syarikat itu oleh Pengarah Urusan Victoria STS, Benjamin Benard Bijion.

Turut hadir, Pengarah Victoria Datuk Seri Patrick Tiong Chiong Kui.

Terdahulu, Syarikat Victoria STS merupakan syarikat baharu yang ditubuhkan dan menyediakan perkhidmatan aktiviti pemindahan kargo petroleum dan gas dari kapal ke kapal di Labuan.



AMIR (tiga dari kiri) bersama Patrick (dua dari kanan) mendengar taklimat mengenai pengoperasian Syarikat Victoria STS, baru-baru ini.



**Dr Mohd Shahid
Mohd Noh**

KEMISKINAN adalah satu fenomena sosial yang wujud di kebanyakan tempat di dunia ini.

Islam sebagai agama wahyu meletakkan ia merupakan salah satu masalah ekonomi yang perlu di atasi dan diselesaikan dengan penuh hikmah dan perancangan.

Tidak cukup dengan kewajipan berzakat yang menjadi salah satu rukun Islam, galakan bersedekah, berwakaf dan memberi bantuan pinjaman juga disebut di dalam Al-Quran dan hadis-hadis Nabi Muhammad SAW yang cukup jelas menggambarkan kepentingan ibadah ini di dalam membina keseimbangan hidup manusia di dunia yang sementara.

Allah SWT berfirman:
Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah, berbuat kebaikan, atau mendamaikan di antara manusia.

Dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar. (Surah an-Nisa ayat 114)

Adalah antara ayat yang menghiasi amalan bersedekah sehingga orang yang mengajak kepadanya juga diberikan kebaikan apatah lagi mereka yang mengerjakan ibadah tersebut.

Tanpa zakat, sedekah dan amalan pemberian ihsan yang lain berkemungkinan masalah ekonomi ini sudah pasti akan lebih dahsyat dan melarat.

Pada tahun 2020, PPZ-MAIWP merekodkan kutipan zakat melebihi RM750 juta yang menjadi kutipan tertinggi mereka setakat ini.

Ia satu jumlah yang agak besar dan diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan asraf khususnya yang berada di dalam kategori miskin agar dapat dibantu sekali gus merubah masa depan mereka.

Menurut laporan MAIWP 2019, sebanyak 616 orang dari 22,000 orang penerima bantuan bersamaan 2.8 peratus asraf telah berjaya dikeluarkan dari kelompok kemiskinan.

Ia satu perkembangan yang baik dan perlu diberi pujian. Namun, persoalan yang berbaki, bagaimana pula dengan jumlah yang berbaki?

Jika sasaran asraf yang berjaya dikeluarkan dari kelompok tersebut ialah dua hingga empat peratus setahun, jarak yang diperlukan untuk

Zakat-MAIWP: Memutus kemiskinan yang diwarisi asraf

menjadi miskin sifar di ibu kota metropolitan ialah lebih kurang 25 tahun, itupun sekiranya jumlah bilangan asraf tidak lagi meningkat atau dalam keadaan yang pegun.

Realitinya, dunia berada di zaman Revolusi Industri 4.0 yang menjangkakan perbezaan jurang pendapatan akan lebih ketara akibat jurang kemahiran dan kelulusan yang agak jauh.

Justeru, pihak kerajaan dan MAIWP disarankan untuk merangka satu program yang holistik bagi membangunkan anak-anak asraf yang dilihat berpotensi mewarisi kemiskinan keluarga mereka agar jumlah kemiskinan ini dapat dikecilkan, sekali gus meningkatkan jumlah pembayar zakat dan kutipan.

JENIS KEMISKINAN

MENURUT data yang diterbitkan oleh Jabatan Statistik Negara, terdapat tiga jenis kemiskinan yang utama di Malaysia iaitu tegar, relatif dan mutlak.

Ada beberapa pihak lagi yang menambah miskin bandar dan luar bandar. Data 2016-2019 menunjukkan kadar kemiskinan mutlak di negara ini menunjukkan penurunan sementara miskin relatif memperlihatkan peningkatan terutamanya pada peringkat umur antara 25 hingga 45 tahun.

Miskin relatif adalah satu fenomena sementara yang berlaku kepada satu ketua keluarga atau isi rumah akibat penyakit, bebanan hutang, tanggungjawab yang melebihi kemampuan serta hilang pekerjaan.

Segmen ini sebenarnya satu segmen yang wajib dibantu memandangkan potensi dan keupayaan untuk mereka merubah adalah tinggi dan cerah.

Tanpa dinafikan, kemiskinan relatif yang tidak dibantu boleh merubah menjadi miskin mutlak atau tegar sekiranya kondisi mereka tidak dibantu dan ditingkatkan.

Lebih parah, jika kemiskinan mereka itu diwarisi oleh anak-anak mereka sekali gus menambahkan lagi bilangan asraf miskin di sesuatu lokaliti.

Bantuan dan pendidikan sememangnya perlu diberikan kepada ketua keluarga tersebut, namun yang lebih penting ialah pembangunan potensi anak-anak asraf ini hendaklah digilap agar mereka mampu merubah nasib mereka dan keluarga.

Merubah sifat atau tabiat yang telah tertanam selama



PEMBAYAR zakat boleh membuat bayaran secara tunai, cek, kad debit atau kad perbankan Islam menerusi kaunter atau laman portal PPZ-MAIWP.

puluhan tahun bukanlah satu usaha yang mudah, tetapi membentuk daya usaha dan kerajinan anak-anak yang masih muda dan boleh dibentuk lebih mudah dan memiliki peluang yang begitu luas dan pelbagai.

Perkara yang perlu disedari ialah usaha yang dilakukan oleh badan autoriti zakat juga sememangnya banyak dan boleh disifatkan dengan proaktif atau agresif.

Tetapikekangan-kekangan tertentu membuatkan usaha-usaha tersebut tidak menunjukkan hasil yang memberangsangkan dan kini jumlah kadar kemiskinan masih meningkat sekalipun ia disifatkan sebagai terkawal.

PENDIDIKAN

PENDIDIKAN adalah sektor yang paling penting dan utama untuk diperkasakan dan kemudian disajikan kepada golongan asraf.

Kanak-kanak yang terbimbing secara intelektual dan emosional serta mendapat keperluan utama mencukupi pasti akan lebih berjaya di dalam pelajaran yang kemudian melayakkannya untuk mendapat pekerjaan yang baik.

Sebaliknya, kegagalan mencurahkan pendidikan yang baik kepada anak tersebut adalah faktor penentu kepada keciran pendidikan dan keberangkalian yang tinggi untuk tidak mendapat pekerjaan yang baik.

Cuenca García et al. (2019) mengesahkan bahawa tahap pendidikan yang rendah

memberi kesan ke atas perkembangan intelektual yang menyebabkan kemiskinan namun ia boleh dipertingkatkan.

Sehubungan dengan itu, beberapa inisiatif yang diambil oleh MAIWP (memandangkan ia di ibu negara Malaysia) berada di landasan yang betul dengan memiliki beberapa institusi pendidikan di bawahnya seperti Sekolah Menengah Agama MAIWP, Sekolah Menengah Integrasi Sains-Tahfiz, Institut Profesional Baitulmal dan lainnya.

Jumlah tempat dan kuota yang terhad tidak memungkinkan kesemua anak-anak asraf mendapat tempat dan peluang yang sama, justeru satu pelan pembangunan komprehensif perlu dirangka meraikan persekitaran pendidikan serta sosial di Kuala Lumpur agar anak-anak asraf ini berjaya dibantu untuk menjadi tenaga kerja yang produktif dan berjaya di masa hadapan.

INTEGRASI BANTUAN, PENDIDIKAN DAN PEMERINTORAN

PEMBERIAN bantuan berbentuk kewangan dan pendidikan sememangnya menjadi satu kewajipan yang perlu dan telah pun dilaksanakan oleh kebanyakan badan berautoriti zakat.

Cuma, sejauh mana keberkesanan bantuan tersebut dapat membantu asraf adalah soalan yang memerlukan kepada satu pengukur untuk menilainya

bagi mencapai matlamat asraf zero dalam tempoh 10 hingga 15 tahun dari sekarang.

Kaedah pementoran berkemungkinan satu pendekatan yang sesuai di dalam membantu perkembangan anak-anak asraf ini untuk terus maju dan berdaya saing di dalam pendidikan mereka.

Memberi bantuan kewangan di awal tahun dan kemudian membiarkan mereka berdikari sendiri dengan hanya mengharapkan keluarga dan rakan sebaya sudah menjadi satu kebiasaan yang cliché perlu kepada nafas yang baharu dan lebih dinamik.

Pementoran ini sememangnya memerlukan keterlibatan banyak pihak bukan sahaja keluarga, juga kepada masyarakat dan persekitaran di sekolah.

Sudah tiba masanya rekod pencapaian anak-anak asraf ini dilaporkan dan dianalisa di samping pembangunan rohani dan emosi yang tersusun perlu dilaksanakan.

Percayalah, usaha pembangunan keluarga dan anak-anak asraf ini mungkin agak renyah di awalnya, tetapi di dalam jangka panjang ia akan memperlihatkan hasil yang baik dan memberangsangkan serta menguntungkan masyarakat dan negara.

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, dan boleh dihubungi di shahid82@um.edu.my.

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

MMU Career Fair 2022 buka peluang pekerjaan buat semua

SABRINA SABRE

UNIVERSITI Multimedia (MMU) membuka peluang kerja khusus buat mahasiswa, graduan dan orang awam menerusi Pameran Kerjaya MMU 2022 atau lebih dikenali sebagai *MMU Virtual Career Fair 2022* pada 7 hingga 11 Februari bertempat di Studio Fakulti Seni Sinematik bermula pukul 10 pagi hingga 5 petang.

Menurut Pengarah *MMU Career Fair 2022*, **Bryan Yeap Yee Kuong**, program yang disiarkan secara langsung serentak di laman web *Graduan Connect* ini memainkan peranan besar sebagai platform pembangunan masa hadapan yang lebih cerah.

"Pameran kerjaya ini menyediakan ruang kepada syarikat yang mengambil bahagian dalam acara ini untuk mengadakan sesi pengambilan pekerja dalam kalangan mahasiswa cemerlang agar dapat membantu meningkatkan tenaga kerja syarikat.

"Dengan penglibatan lebih



MMU Career Fair 2022 yang diadakan pada 7 hingga 11 Februari bertempat di Studio Fakulti Seni Sinematik bertemakan slogan 'The Home of Your Dream Job'.

30 syarikat dan rakan kongsi dalam acara berskala besar ini, sasaran awal kami menjangkakan seramai 3,000 pelawat akan hadir dalam pelbagai jurusan seperti bidang pengurusan, perniagaan, undang-undang, kejuruteraan, teknologi maklumat, komunikasi, kewangan, multimedia kreatif dan sebagainya.

"Di samping itu, acara ini turut disertai oleh beberapa syarikat

besar terkemuka antaranya CIMB Bank Berhad, Sony EMCS, ACCA Malaysia, Lead Leadership Academy, Cortex Robotic Sdn Bhd dan banyak lagi," katanya.

Tambahnya, sebagai rakan kongsi kepada Graduan, *MMU Career Fair 2022* memberi peluang kepada para mahasiswa khususnya untuk memasuki alam pekerjaan pilihan mereka dengan lancar.

"Antara aktiviti yang bakal dianjurkan sepanjang acara termasuklah sesi temu bual kerjaya, pameran syarikat secara maya, sesi temu duga dan sesi perkongsian oleh penaja Platinum dan Emas serta syarikat rakan kongsi dan individu terkemuka.

"Menerusi acara ini, mahasiswa serta syarikat boleh berkembang maju melalui penglibatan

secara terus sambil menambah rangkaian dan pada masa yang sama mendedahkan mahasiswa mengenai permintaan industri yang sentiasa berubah, serta beberapa pilihan kerjaya untuk masa depan mereka," jelasnya.

Bryan dan pihaknya berharap dengan penganjuran *MMU Career Fair 2022* ini, para mahasiswa, graduan serta orang awam boleh memperoleh peluang untuk mendapatkan pekerjaan serta pada masa sama dapat mengatasi cabaran pengangguran.

"Program ini juga bakal mengadakan sesi cabutan bertuah kepada pengunjung yang ingin memenangi cenderamata eksklusif" tambahnya.

Orang ramai yang ingin menyertai atau mengetahui lebih lanjut mengenai *MMU Career Fair 2022*, boleh layari laman Facebook *MMU Career Fair Cyberjaya Campus*, Instagram @mmucareerfair_cyberjaya dan LinkedIn *MMU Career Fair Cyberjaya*. **WK**

20 warga SM Sains Labuan berjaya tawan Gunung Kinabalu

SERAMAI 20 orang warga Sekolah Menengah Sains Labuan (SMSL) berjaya menawan Gunung Kinabalu pada 3 hingga 4 Februari lalu.

Ketua Delegasi SMSL, **Rohana Yasin** berkata Kumpulan Pendaki SMSL yang dikenali sebagai Geng *Hiking Excel* (GHE) itu turut disertai guru-guru, staf dan ibu bapa selaku wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Katanya, program pendakian ini bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan antara warga SMSL dan memberi peluang kepada pendaki melihat keindahan Gunung Kinabalu.

Berkongsi pengalamannya, jelas Rohana, mereka telah menjalani latihan selama sebulan sebelum mendaki puncak tertinggi di Malaysia dan Asia Tenggara tersebut.

Katanya, program ini telah dirancang sejak tahun 2019 lagi namun hanya dapat dilaksanakan pada tahun ini akibat pandemik COVID-19 yang telah melanda seluruh dunia.

Bercerita lanjut mengenai perjalanan sepanjang pendakian itu, Rohana berkata, mereka telah memulakan pendakian dari Timpohon pada pagi



PENDAKI GHE gembira tawan Gunung Kinabalu.

Khamis, 3 Februari dan tiba di Panalaban pada pukul 4 petang.

Kemudian mereka mulakan pendakian menuju puncak Gunung Kinabalu seawal pukul 2 pagi dan tiba di puncak pada 6 hingga 7 pagi pada Jumaat, 4 Februari 2022.

Katanya, antara cabaran yang dilalui oleh mereka adalah mengekalkan stamina berikutan oksigen yang semakin berkurangan ketika berada pada aras tinggi, cuaca hujan menyebabkan mereka terpaksa melalui jalan licin ketika menuruni Gunung Kinabalu.

"Namun semua cabaran

dan halangan tersebut dapat diatasi dengan adanya sokongan daripada rakan-rakan dan juga pendaki yang lain.

"Alhamdulillah, semua pendaki berjaya sampai ke puncak Gunung Kinabalu.

"Pendakian ini tidak mudah namun sudah pasti akan menjadi kenangan untuk kami sampai bila-bila," tambah Rohana.

Beliau yang juga Penolong Kanan Pentadbiran SM Sains Labuan tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Pengetua SMSL, A Zailani Mumtin dan semua guru yang sentiasa memberi dorongan dan semangat. **WK**

Kajian had laju 30 (km/j) di zon terpilih bakal dimuktamadkan tidak lama lagi

PELAKSANAAN had laju 30 dan 50 kilometer sejam (km/j) dalam zon terpilih sekitar ibu negara yang dicadangkan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) akan dimuktamadkan dalam masa terdekat setelah mengambil kira kepentingan semua pihak.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, pelbagai pandangan perlu diambil kira bagi mengenal pasti kebaikan dan keburukan pelaksanaannya supaya memberi manfaat kepada semua.

"Kita tahu banyak benda yang kita buat ada setuju dan ada tidak bersetuju. Kita melihat lebih kepada kesesuaian serta penerimaan semua pihak.

"Kita terima semua pandangan berhubung perkara ini dan kita ambil kira semua. Apa yang penting matlamat tercapai dan rakyat gembira," katanya dalam sidang media selepas melancarkan Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan



SHAHIDAN (tengah) mengedarkan bendera Wilayah Persekutuan kepada pengunjung Kompleks Beli-Belah Suria KLCC baru-baru ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) Datuk Seri Rosida Jaafar, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Datuk Zaizalnizam Zainun.

Pengerusi Lembaga Pengarah MIROS, Datuk Suret Singh yang melalui ciapan di Twitternya, memaklumkan pihaknya dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan bekerjasama bagi melaksanakan had laju 30km/j di zon terpilih di ibu negara dan 50km/j bagi zon

lain.

MIROS mencadangkan had laju 30km/j bagi kawasan perumahan, bandar dan kampung sebagai sebahagian daripada perancangan keselamatan jalan raya kebangsaan untuk 2021 hingga 2030.

Cadangan had laju itu juga sebahagian daripada kempen 'Street for Life' di bawah Minggu Keselamatan Jalan Raya Global PBB ke-6 (UNGRSW), yang menyasarkan pemberdayaan komuniti di Asia Tenggara untuk melaksanakan had laju 30 km/j di kawasan yang menyaksikan pejalan kaki bercampur dengan trafik. **WK**

PPj catat dua sejarah dalam *Malaysia Book Of Records*



SABRINA SABRE

BARU sahaja siap dibina sepenuhnya pada 5 Januari lalu, Tangga Putrajaya berjaya meraih dua pengiktirafan dalam *Malaysia Book Of Records* (MBOR) sekali gus mencipta sejarahnya yang tersendiri.

Pengiktirafan sebagai *The Longest Stairway In A Public Park* dan *Biggest Projection Mapping on Stairway* menjadikan Putrajaya sebagai salah satu destinasi tumpuan pelancong dengan keunikannya yang tersendiri.

Menurut Naib Presiden Kanan Perkhidmatan Korporat PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, penghargaan

tersebut merupakan permulaan baik PPj bagi tahun 2022 untuk lebih komited membangunkan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan sebagai destinasi pelancongan.

"Alhamdulillah, saya mewakili warga PPj bangga apabila tangga ikonik Putrajaya berbentuk paksi lurus (*axis*) itu mendapat dua pengiktirafan yang besar hanya dalam tempoh yang singkat."

"Sejarar dengan usia 25 tahun Putrajaya, kita juga sedang merancang untuk mewujudkan beberapa prasarana bercorak pelancongan rekreasi dan aktiviti riadah yang akan diumumkan nanti."

"Matlamat utama kita memperkenalkan pusat pentadbiran ini yang penuh dengan keunikannya tersendiri bukan sahaja di seluruh negara bahkan ke peringkat antarabangsa," ujar beliau kepada

Wilayahku.

Mengulas lanjut tentang kelebihan tangga tersebut, Fadlun berkata, selain memiliki 250 anak tangga dan berketinggian 30 meter serta memiliki jarak pendakian sejauh 200 meter, Tangga Putrajaya sesuai untuk dijadikan lokasi bersukan, beriadah dan rekreasi.

"Kelebihannya pengunjung dapat menikmati pemandangan indah Putrajaya dengan jarak yang lebih dekat dari atas puncak Taman Putra Perdana selain berfungsi sebagai salah satu akses masuk dan melengkapkan pembangunan Taman Putra Perdana," ujar beliau.

Sementara itu, bagi pengiktirafan *Biggest Projection Mapping on Stairway* dengan ukuran saiz 22M (W)x19M (H)x133M (D), ia adalah sinonim dengan *Festival Light and Motion Putrajaya* (LAMPU) yang



FADLUN (dua kanan) ketika menerima sijil penghargaan daripada wakil MBOR baru-baru ini.

sememangnya amat dinantikan.

"Penceritaan video yang dipaparkan adalah berkisar pencapaian serta kemajuan semasa Wilayah Persekutuan yang merangkumi Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Di samping persembahan video Keluarga Malaysia yang memaparkan keharmonian, toleransi dan kesepakatan masyarakat Malaysia

sebagai suatu keluarga besar yang harus dibanggakan bersama," kata beliau lagi.

Terdahulu, Pemetaan Pencahayaan diadakan sebagai simbolik Majlis Sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang diraikan pada 1 Februari setiap tahun yang turut disertai dengan Sambutan Bulan Pencahayaan Putrajaya 2022.

WK

Tazkirah muzikal bakal serikan ceramah perdana

DALAM usaha melahirkan komuniti Putrajaya yang sejahtera, pelbagai usaha dilakukan oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) antaranya menganjurkan ceramah perdana bagi meningkatkan sahsiah diri masyarakat Putrajaya khasnya.

Terbaru, sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022, PPj bakal menganjurkan program ceramah perdana bertajuk Al-Quran & Sunnah Asas Kemakmuran dan Kesejahteraan Warga Wilayah Persekutuan.

Bakal berlangsung pada 17 Februari ini, menariknya program ilmiah yang menampilkan penceramah tersohor, Ustazah Asma' Harun dan Ustaz Dr Asyraf Suarin ini bakal diserikan dengan tazkirah muzikal oleh Afad Raihan.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan Jabatan Perkhidmatan Bandar, Perbadanan Putrajaya, **Siti Fadilah Ramli**, selain daripada penceramah terkenal, kekuatan program tersebut terletak pada tajuk ceramah tersebut.

"Al-Quran & Sunnah itu adalah petunjuk kepada kesejahteraan itu sendiri. Melaluiinya bagaimana kita ingin wujudkan masyarakat Putrajaya yang makmur. Dari situ, kita akan kupas dengan lebih mendalam."

"Selain itu, tajuk ini juga adalah tajuk umum yang mana bangsa asing juga boleh turut serta bersama-sama menjayakan program yang saya kira sangat menarik untuk segenap lapisan masyarakat," ujarnya.

Tambahnya lagi, program yang berlangsung selama dua jam tersebut, turut menarik perhatian ramai melalui persembahan muzikal yang

menceriakan sekali gus memberi semangat kepada penonton hingga penghujung.

Bagi yang ingin turut serta, dialu-alukan untuk mendaftar di laman <https://tinyurl.com/keluargasakinah2022>.

"Kita mengehadkan penyertaan kepada 300 orang peserta sahaja bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP). Alhamdulillah sejak pendaftaran dibuka pada Isnin lalu, sambutan yang diterima amat menggalakkan," ujarnya kepada *Wilayahku*.



SITI FADILAH



Uniknya Taman Perdana Putrajaya

MERCU. Terletak di atas lokasi tertinggi dilingkar Persiaran Sultan Salahuddin Abd Aziz Shah (PSSAS), Presint 1, Taman Putra Perdana menawarkan pemandangan indah Jambatan Wawasan, Tasik Putrajaya dan kompleks kerajaan kepada pengunjung.

Antara tarikan utama taman ini adalah Mercu Tanda, struktur keluli berbentuk piramid setinggi 78 meter yang dihiasi bulan sabit dan bintang sama seperti bendera Malaysia.

Taman ini juga merupakan ikonik sebagai simbol Putrajaya kerana di sinilah titik permulaan perubahan Prang Besar iaitu dari sebuah ladang sawit kepada pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Terdapat sebuah Kapsul Masa yang menyimpan dokumen penting dan sejarah pembinaan Putrajaya tertanam di taman ini. Selain itu, di sini juga terletaknya monumen Mercu Tanda Putrajaya berbentuk piramid dengan lambang bulan dan bintang yang menggambarkan keagungan bangsa Melayu.



Di tengah-tengah taman ini terdapat teres bercerun dengan air pancut di bahagian tengahnya.



Mahu lakar sejarah antarabangsa

Hakeem idam juara SUKMA

AINI MAWAWI

ATLET sepak takraw Wilayah Persekutuan, **Muhammad Hakeem Nor Azha**, 17, mengaku teruja untuk beraksi pada SUKMA 2022 yang bakal berlangsung tahun ini lebih-lebih lagi ia merupakan kali pertama beliau terpilih menyertai kejohohan tersebut.

Gigih menjalani latihan saat ini, dia juga turut beraksi pada Kejohohan Sepak Takraw Terbuka Wilayah Persekutuan yang berlangsung di Kompleks Futsal Mokhtar Dahari, Presint 18, Putrajaya minggu lalu.

Biarpun hanya menamatkan saingan pada suku akhir namun ia tidak mematahkan semangatnya malah menganggap penyertaan tersebut sebagai satu aksi pemanas badan bagi tahun ini.

“Sebenarnya dah lama tak berpeluang serta kejohohan disebabkan pandemik COVID-19. Jadi, bila adanya kejohohan ini, sekurang-kurangnya dapat juga saya mengasah semula kemahiran sekali gus



bersedia untuk SUKMA nanti,” ujar pemain posisi apit kiri ini.

Tambahnya lagi, dia berharap dapat mencipta kejayaan dalam SUKMA seterusnya melayakkan diri ke dalam kejohohan yang lebih tinggi bukan sahaja di dalam negara bahkan ke peringkat antarabangsa.

Menjadikan pemain Kuala Lumpur (KL Thunders), Amirul Zazwan Amir sebagai idola dalam sukan sepak takraw, Hakeem berkata ketua pasukan tersebut bijak mencari rentak permainan sehingga mencipta banyak kejayaan.

“Saya sentiasa mengikuti permainannya dan dari situ cuba membaiki kesilapan diri. Terbaharu, saya juga tidak ketinggalan melihat aksinya dalam Piala Sumbangsih yang mana pasukan tersebut berjaya menundukkan Bomba Fighters,” ujarnya.

Ber cerita lanjut tentang sukan yang diminatinya, Hakeem berkata, kejayaan sebuah pasukan sukar dicapai seandainya tiada persefahaman yang kuat di antara pemain.

Pencapaian Muhammad Hakeem

2021 - Pemilihan SUKMA, Kuala Lumpur - Nombor 3

2019 - MSSWPKL - Suku akhir

2019 - SSN Challenge, Negeri Sembilan - Juara

2019 - Thailand Sports School Games - Suku akhir



HAKEEM impi bermain untuk Malaysia.

“Hubungan yang baik penting bagi saya. Keserasian itu perlu dicipta agar kita sama-sama dapat mengenal pasti kekurangan masing-masing dan mengatasinya.

“Biasanya kami akan menghabiskan masa bersama bukan sahaja ketika latihan bahkan hubungan yang akrab terjalin biarpun di luar waktu bersukan. Kadang-kadang rapat seperti adik-be radik sendiri,” ujar pelajar Sekolah Sukan Kuala Lumpur ini. **WK**



SHAHIDAN (tengah) merasmikan Kejohohan Sepak Takraw Terbuka Wilayah Persekutuan 2022 di Kompleks Futsal Mokhtar Dahari Presint 18, Putrajaya.

Kejohohan Sepak Takraw Terbuka WP libatkan 140 atlet Wilayah Persekutuan

HAZIRAH HALIM

KEJOHONAN Sepak Takraw Terbuka Wilayah Persekutuan yang diadakan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022 pada Selasa lalu menerima penyertaan menggalakkan apabila keseluruhan 140 pemain mendaftarkan diri untuk turut serta dalam sukan itu.

Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), **Datuk Ramlan Shaheen@Askolani** berkata, kejohohan ini bakal dijadikan medan pemanas badan bagi pasukan sepak takraw Wilayah Persekutuan dalam persiapan menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) yang bakal berlangsung pada tahun ini.

“Kejohohan ini turut melibat-

kan penyertaan daripada pemain kebangsaan, pemain SUKMA dan juga atlet yang kini sedang berehat daripada saingan Liga Sepak Takraw (STL) 2022,” jelas Pegawai Tugas-Tugas Khas II kepada Menteri Wilayah Persekutuan itu.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Perasmian Kejohohan Sepak Takraw Terbuka Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022 di Kompleks Futsal Mokhtar Dahari Presint 18, Putrajaya, hari ini.

Menurut Ramlan, kejohohan yang berlangsung selama tiga hari bermula 4 Februari sehingga 6 Februari ini menampilkan seramai 16 regu lelaki dan 12 regu wanita bakal merebut kejohaan berbentuk wang tunai, piala dan pingat bagi kategori yang disertai.

“Kategori Regu Terbuka Lelaki akan menerima wang tunai sebanyak RM5,000 beserta trofi dan pingat kejuaraan manakala Kategori Regu Terbuka Wanita pula membawa pulang RM1,000 beserta piala dan pingat juga,” katanya.

Tambahnya, kejohohan yang berlangsung di Kompleks Futsal itu merupakan anjuran bersama MSWP dan Persatuan Sepak Takraw Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Majlis perasmian ini turut menerima kunjungan daripada Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim yang meluangkan masa beramah mesra bersama pemain-pemain pada hari pertama kejohaan sekali gus memberi kata-kata semangat buat semua peserta terlibat. **WK**

Seni Gayung Fatani Malaysia jadi pilihan pelajar IPT, sekolah

CERGAS. Perguruan Seni Gayung Fatani Malaysia sentiasa fokus untuk melahirkan ahli yang cergas tubuh badan sekali gus memupuk nilai terpuji dari segi ilmu yang disampaikan dan amalan dalam diri setiap ahlinya.

Bernaung di bawah Tuan Haji Anuar Abd Wahab AMN yang merupakan guru utama dan Pengasas Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia, perguruan ini telah didaftarkan secara rasmi pada 14 September 1976.

Gelanggang pertama ketika itu telah dibuka di Sekolah Sains Selangor, Kuala Lumpur. Hanya dalam beberapa tahun sa-

haja seni Gayung Fatani telah berkembang di Kuala Lumpur sehingga ke hari ini. Malah banyak gelanggang dan kelab dibuka di sekolah dan universiti.

Antara kelab yang berjaya di Kuala Lumpur adalah Kelab Cikgu Halim (KCH) yang diselenggarakan olehnya yang merupakan Ketua Guru Kanan Seni Gayung Fatani Kuala Lumpur. Kini, KCH mempunyai 30 buah gelanggang di sekolah-sekolah, dua buah di universiti serta 10 buah gelanggang luar dengan 20 orang jurulatih yang bertauliah dan memiliki permit mengajar silat. **WK**



SENI silat menarik perhatian golongan muda.



KWP terima cadangan JAWI

Kampung Baru sebagai Pusat Kegiatan Islam

AZLAN ZAMBRY

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) menerima baik cadangan untuk menjadikan kawasan Kampung Baru sebagai Pusat Kegiatan Islam memandangkan ia mempunyai kemudahan yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan tersebut.

Menterinya, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, cadangan yang dikemukakan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) itu merupakan suatu yang baik dan suasana di kawasan Kampung Baru ini sesuai untuk menjadikan perkara itu realiti.

"Melihat suasana Masjid Kampung Baru ini yang berdekatan dengan Hotel Tamu, ada pusat jualan makanan melayu Islam yang akan dibangunkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terutama di kawasan kedai makan, ia pasti akan menjadi tem-



SHAHIDAN (tengah) menyampaikan sumbangan kepada golongan asnaf pada Majlis Bacaan Yasin, Doa Selamat dan Solat Hajat sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) di Masjid Kampung Baru baru-baru ini.

pat menarik," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) pada Selasa.

Menurut Shahidan, program bercorak insani dan kehidupan masyarakat di sini mesti berterusan sementara menunggu pem-

bangunan Kampung Baru.

"Kalau kita mau menunggu pembangunan Kampung Baru ini, ia mungkin mengambil masa yang agak panjang sebelum cadangan ini dapat dilaksanakan.

"Oleh itu, suasana di kawasan ini di samping Masjid Kampung Baru ini

aktif menjalankan aktiviti dan program bercorak ilmu dan keagamaan, maka semua perkara sampingan ini akan dipromosi sebagai satu pakej sebagai kawasan kompleks Islam kerana hampir semua kemudahan ada di sini termasuk makanan Islam," ujarnya.

Sementara itu, Mohd Ajib dalam ucapannya telah memberikan cadangan untuk menjadikan Masjid Kampung Baru sebagai Pusat Kegiatan Islam memandangkan jawatankuasa masjid sangat aktif mengajurkan program pengajian dan kebajikan untuk ahli-ahli kariah di kawasan itu.

"Masjid ini merupakan tempat tumpuan orang ramai yang datang berkunjung ke Kampung Baru. Jawi dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) akan memberikan perhatian terhadap usaha untuk merealisasikan cadangan menjadikan ia sebagai Kompleks Islam di sini," katanya. **WK**

KL perlu jadi kuasa sukan berprestasi tinggi

WARGA kota perlu mendominasi sukan berprestasi tinggi khususnya Lawn Bowls bagi mempopulkarkan sukan tersebut di seluruh negara.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan bantuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan agensi yang berkaitan mesti mencari kaedah untuk membangunkan sukan-sukan ini di ibu kota.

"Sumbangan DBKL serta keterlibatan semua ketua-ketua agensi amat diperlukan demi memastikan semua jenis sukan ini dapat didominasi oleh warga kota disebabkan Kuala Lumpur ini merupakan nadi utama negara kita.

"Maka semua jenis sukan berprestasi tinggi termasuk Lawn Bowls ini mesti digerakkan daripada Kuala



JALALUDDIN beramah mesra dengan pemain kategori kanak-kanak dalam Kejohanan Lawn Bowls KL Open sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022 pada Khamis.

Lumpur dan pihak Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) harus mengadakan beberapa pendekatan bagi memastikan matlamat tersebut tercapai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kejohanan Lawn Bowls

Terbuka di Bukit Kiara pada Khamis.

Hadir sama, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, Pengarah Eksekutif MSWP, Dr Hasnul Faizal Hushin Amri dan Presiden Persekutuan Lawn

Bowls Malaysia, Datuk Awalan Abdul Aziz.

Katanya, sukan Lawn Bowls ini telah diperkenalkan oleh pegawai British ketika era kolonial melebihi 100 tahun lalu dan ia popular pada waktu itu.

"Sukan ini mulai popular dalam kalangan warga tempatan sejak 30 tahun yang lalu dan ia sesuai disertai semua lapisan masyarakat. Ia sepatutnya didedahkan kepada semua golongan kerana sukan ini boleh disertai tanpa mengira umur, prefesyen dan jantina pemain.

"Ia merupakan sukan yang menguji ketahanan mental dan fizikal termasuk stamina setiap pemain. Saya percaya sukan ini akan menjadi antara sukan yang dikenali dan diminati dalam negara kita sekiranya pendedahan diberikan secukupnya," ujarnya. **WK**

Sibuk bukan alasan abai kesihatan

DEEL ANJER

SIBUK dengan kerja seni bukanlah alasan untuk pelakon **Syafiq Kyle** tidak meluangkan masa melakukan aktiviti sukan dan riadah bersama teman-teman rapat.

Menurut Syafiq atau nama sebenar Mohd Syafiq Shamim Abdul Razak, 29, dia menitikberatkan soal penjagaan fizikal dan mental bagi memastikan dirinya kekal sihat setiap hari.

"Kalaupada masa lapang saya memang akan berkumpul bersama teman-teman rapat. Kebiasaan kami bermain bola sepak dan buat aktiviti riadah.

"Kami ada tubuhkan Challo FC, yang mana ada 30 ahli dalam kalangan rakan-rakan, kita selalu buat aktiviti bersama, boleh dikatakan setiap minggu kita buat friendly match.

"Selain dapat berjumpa kawan-kawan, permainan ini juga boleh beri stamina dan bagus untuk kesihatan kita," katanya.

Menerusi laporan media pada tahun 2018, Syafiq Kyle membelanjakan puluhan ribu untuk menubuhkan kelab bola sepak miliknya yang diberi nama Challo FC.

Kata Syafiq, dia menubuhkan kelab itu selepas hasil menjadi pemain profesional tidak kesampaian.

Bagaimanapun, Syafiq mengakui pandemik COVID-19 sejak dua tahun lalu sedikit sebanyak membantu turutkan perancangan kelab untuk bergiat lebih aktif.

"Sebenarnya dah hampir empat tahun Challo FC ditubuhkan. Kelab ini diketuai oleh Aedy Ashraf. Bukan sahaja pelakon, Challo FC juga turut dianggotai oleh penyanyi, model, personaliti media sosial dan ahli perniagaan.

"Saya harap lepas ini kami boleh main bola dan buat aktiviti dengan lebih aktif lagi. Doakanlah pandemik ini cepat berakhir. Setiap kali main bola dengan team Challo, walaupun hanya perlawanan persahabatan perasaan seronok tu lain macam.

"Kalah menang belakang cerita. Paling penting sama-sama enjoy. Sebab itu saya anggap Challo FC keluar ga kedua say a," ujarnya. **WK**



SYAFIQ KYLE